

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN 14 (A12)

Apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam memastikan bekalan barangan sentiasa mencukupi termasuk bentuk kerjasama strategik dengan agensi seperti FAMA, pembekal dan pihak swasta bagi menjamin kestabilan harga serta kelangsungan program Jualan Kasih Johor ini?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri telah merangka dan melaksanakan beberapa mekanisme menyeluruh bagi memastikan bekalan barangan sentiasa mencukupi, harga kekal stabil serta menjamin kelangsungan Program Jualan Kasih Johor. Pendekatan ini digerakkan melalui kerjasama strategik bersama agensi seperti FAMA, pembekal dan pihak swasta seperti berikut:

1. Pembelian Pukul Dan Perancangan Stok Berpusat (Pusat Operasi)

Pembelian dibuat secara pukul (*bulk procurement*) sebagai stok juga dirancang secara berjadual dan berpusat bagi mengelakkan kekurangan bekalan terutama ketika permintaan tinggi seperti musim perayaan setiap bulan dan ditempatkan di Pusat Operasi FAMA sebelum diagihkan kepada lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak Dun contoh Minyak Masak, Telur dan Ayam.

2. Pelaksanaan Subsidi Bersasar

Selain itu, Kerajaan Negeri turut melaksanakan subsidi bersasar bagi barangan tertentu contohnya melalui inisiatif seperti Kombo Kasih, di mana subsidi sebanyak RM35 diberikan bagi setiap set. Hasilnya, penerima manfaat hanya perlu membayar RM15 untuk mendapatkan barangan keperluan tersebut. Pendekatan ini bukan sahaja meringankan kos sara hidup rakyat, malah memastikan akses kepada barangan asas kekal mampu milik.

3. Jaringan Logistik Dan Pengedaran Yang Cepak

Penglibatan FAMA dan pihak swasta dalam aspek logistik memperkukuh keupayaan penghantaran dan pengagihan bekalan ke seluruh kawasan termasuk luar bandar. Bekalan diselaras daripada pusat operasi dan diagihkan secara sistematik bagi memastikan kelancaran rantaian penghantaran.

Pelaksanaan Program Jualan Kasih Johor yang merangkumi keseluruhan 56 DUN di Negeri Johor membolehkan capaian yang lebih menyeluruh kepada rakyat. Pendekatan ini memastikan setiap lokasi menerima bekalan yang mencukupi, tepat pada masanya serta memberi manfaat secara inklusif tanpa mengira kawasan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

4. Pemantauan Dan Penyelarasan Berterusan

Kerajaan Negeri bersama FAMA melaksanakan pemantauan berkala terhadap bekalan, harga dan prestasi pembekal bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program. Mekanisme ini membolehkan tindakan segera diambil sekiranya berlaku gangguan bekalan atau ketidaktentuan harga.

Selain itu, naziran turut dilaksanakan pada setiap sesi jualan oleh pihak FAMA bagi memantau bekalan yang disediakan oleh usahawan dan syarikat pembekal. Pendekatan ini memastikan kualiti, kuantiti serta pematuhan harga sentiasa terjaga, sekali gus menjamin integriti dan keberkesanan Program Jualan Kasih Johor.

5. Kepelbagaian Sumber Bekalan

Kerjasama dengan pelbagai pembekal termasuk pengusaha tempatan, koperasi dan syarikat swasta membolehkan sumber bekalan dipelbagaikan, sekali gus mengurangkan risiko kebergantungan kepada satu sumber sahaja.

Secara keseluruhannya, pendekatan bersepadu ini bukan sahaja memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan harga kekal berpatutan, malah memperkukuh ekosistem rantai makanan negeri serta menjamin kelangsungan Program Jualan Kasih Johor sebagai inisiatif berimpak tinggi kepada kesejahteraan rakyat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**SOALAN 15 (A80)**

Bolehkah kerajaan negeri menjelaskan apakah langkah membantu belia memiliki rumah apabila ramai lulus permohonan, tetapi gagal mendapat pinjaman bank kerana syarat pembiayaan ketat dan deposit tinggi, sehingga rumah mampu milik hanya menjadi rumah yang “mampu tengok”?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Antara isu utama yang dihadapi oleh golongan belia dalam memiliki rumah adalah kesukaran menyediakan bayaran pendahuluan (deposit) serta menanggung kos guaman yang tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) sedang merancang bersama pemaju perumahan bagi melaksanakan inisiatif ‘zero entry cost’. Konsep ‘zero entry cost’ ini merujuk kepada pengecualian kos permulaan seperti fi guaman, termasuk fi Perjanjian Jual Beli (SPA) dan perjanjian pembiayaan perumahan, serta kos pindah milik (MOT), sekali gus dapat mengurangkan beban kewangan awal pembeli. Langkah ini secara langsung membantu mengurangkan keperluan bayaran pendahuluan serta kos awal yang menjadi antara kekangan utama golongan belia dalam memiliki rumah. Selain itu, terdapat beberapa pemaju yang telah mula melaksanakan inisiatif ini, khususnya dalam kalangan pemaju yang terlibat di bawah platform PDRC, sebagai langkah menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam memudahkan pemilikan rumah dalam kalangan golongan belia.

Keduanya, berdasarkan tatacara sedia ada, permohonan RMMJ dibuat secara atas talian melalui portal e-Rumah Johor. Pemohon yang layak akan melalui tapisan dan seterusnya dipilih melalui undian terbuka. Pemohon yang berjaya kemudiannya akan dipanggil untuk menghadiri program Majlis Penyerahan Sijil Layak Memiliki Rumah (SLMR) dan J-Home One Stop Centre (J-Home OSC). Pelaksanaan J-Home One Stop Center (J-Home OSC) ini merupakan antara langkah proaktif Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) dalam membantu pemohon, khususnya penerima Sijil Layak Memiliki Rumah (SLMR), mendapatkan pembiayaan perumahan dengan menghimpunkan pihak pemaju, institusi kewangan serta agensi berkaitan seperti firma guaman serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di bawah satu platform. Melalui platform ini, pemohon boleh membuat semakan kelayakan pinjaman, mendapatkan khidmat nasihat kewangan serta terus mengemukakan permohonan pembiayaan kepada pihak bank dalam satu lokasi yang sama.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) turut bekerjasama dengan rakan strategik seperti Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat dan Bank Muamalat, dengan sokongan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), iaitu agensi yang menyediakan jaminan kepada institusi

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

keuangan bagi membantu golongan berpendapatan tidak tetap seperti pekerja gig, peniaga kecil dan bekerja sendiri mendapatkan pembiayaan perumahan. Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) ini lazimnya digunakan bagi membantu pemohon yang menghadapi kesukaran mendapatkan pinjaman melalui saluran konvensional. Melalui skim ini, kelulusan pinjaman dapat dipermudah walaupun pemohon tidak mempunyai pendapatan tetap. Dalam keadaan tertentu, pembiayaan juga boleh mencecah sekitar 110% hingga 120% daripada harga rumah, termasuk kos seperti yuran guaman dan perlindungan pembiayaan, sekali gus membantu mengurangkan beban bayaran awal pembeli. Pada masa yang sama, pendekatan ini turut membantu menangani isu deposit secara tidak langsung melalui pembiayaan yang lebih fleksibel serta meliputi kos berkaitan pembelian rumah. Untuk makluman, data Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) sehingga 3 Februari 2026 menunjukkan bahawa segmen hartanah berharga RM200,000 dan ke bawah, Negeri Johor mencatatkan antara jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 8,963 permohonan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM1,165.39 juta.

Ketiga, Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) yang memberi fokus kepada Bangsa Johor berumur antara 18 hingga 45 tahun, berkeluarga serta mempunyai tanggungan, dengan pendapatan isi rumah dalam lingkungan RM3,000 hingga RM6,000 sebulan. RTBJ berkonsepkan sewaan sebagai penempatan sementara sehingga tempoh maksimum lima (5) tahun bagi membantu golongan ini sebelum memiliki Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) atau hartanah pasaran bebas. Antara kelebihan RTBJ adalah kadar sewaan yang 30% lebih rendah daripada pasaran, kemudahan 'green lane' bagi permohonan RMMJ di mana peserta tidak perlu melalui proses undian, serta peluang untuk membina simpanan sebagai persediaan deposit pembelian rumah. Pelaksanaan RTBJ dilaksanakan secara berperingkat di beberapa kawasan di seluruh Negeri Johor, dengan matlamat menyokong kesejahteraan rakyat melalui penyediaan kediaman sementara sebelum beralih kepada pemilikan perumahan kekal.

Keempat melalui Belanjawan Johor 2026 yang diumumkan oleh YAB Menteri Besar pada 13 November 2025, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif Perumahan Kasih Johor, antaranya Bantuan Beli Rumah Pertama sebanyak RM5,000 yang dijangka memanfaatkan seramai 20,000 penerima dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100,000,000. Selain itu, Bantuan Masuk Rumah sebanyak RM2,000 turut disediakan bagi 8,915 penerima dengan jumlah peruntukan sebanyak RM17,830,000. Walaupun bantuan ini diberikan selepas pembelian rumah disempurnakan, ia tetap membantu meringankan beban kewangan pemilik rumah secara keseluruhan, khususnya dalam fasa awal selepas memiliki kediaman. Ini termasuk menampung kos-kos permulaan seperti pengubahsuaian asas, pembelian perabot, pemasangan utiliti serta keperluan penting lain bagi memastikan rumah tersebut selesai dan selamat untuk didiami.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

Di samping itu, kerajaan negeri juga menekankan kepentingan golongan belia untuk lebih celik dalam pengurusan kewangan, termasuk merancang komitmen, menjaga rekod kredit serta membuat simpanan. Ini penting bagi memastikan mereka bukan sahaja layak memohon, tetapi juga benar-benar bersedia untuk memiliki rumah. Secara keseluruhannya, pendekatan Kerajaan Negeri adalah menyeluruh, iaitu bukan sahaja menyediakan peluang pemilikan rumah melalui RMMJ, tetapi turut membantu dari segi pembiayaan, sokongan kewangan serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN 16 (A107)

Sejauh manakah manfaat ekonomi daripada pembangunan pelancongan di Penawar benar-benar dinikmati oleh penduduk tempatan?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Pembangunan pelancongan di kawasan Penawar, khususnya di Desaru Coast, telah mengubah landskap ekonomi daerah ini secara ketara dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Kemunculan hotel-hotel bertaraf antarabangsa, pusat hiburan air, dan penganjuran acara bertaraf dunia telah menjadikan Desaru sebagai salah satu destinasi pelancongan premium di Malaysia. Namun, persoalan penting yang sering timbul ialah sejauh manakah manfaat ekonomi yang terhasil daripada pembangunan ini benar-benar sampai kepada penduduk tempatan yang telah lama mendiami kawasan berkenaan.

Jawapan kepada soalan ini adalah kompleks dan berlapis. Secara keseluruhannya, manfaat ekonomi memang wujud dan boleh diukur melalui pelbagai petunjuk, namun pengagihan manfaat tersebut tidak sekata dan masih terdapat jurang yang perlu ditangani oleh pihak kerajaan, sektor swasta, dan komuniti itu sendiri.

1. MANFAAT LANGSUNG KEPADA PENDUDUK TEMPATAN

1.1 Peluang Pekerjaan dalam Sektor Hospitaliti

Kehadiran hotel-hotel antarabangsa seperti Hard Rock Hotel Desaru Coast, Westin Desaru Coast, Four Points by Sheraton, dan Anantara Desaru Coast telah mewujudkan ribuan peluang pekerjaan yang meliputi pelbagai peringkat dan bidang. Jawatan-jawatan yang ditawarkan merangkumi:

- Kakitangan operasi: penjaga tetamu (front desk), pembersih bilik, kakitangan dapur, pengawal keselamatan, dan tukang kebun.
- Kakitangan teknikal: jurutera penyelenggaraan, pakar IT, dan pengurus kemudahan.
- Kakitangan pengurusan: pengurus cawangan, penyelia, dan pegawai jualan.
- Kakitangan sokongan: pemandu, perkhidmatan penghantaran, dan pengaturcara acara.

Sebahagian besar pekerja di peringkat operasi diambil daripada komuniti tempatan di kawasan Penawar, Bandar Penawar, dan Kota Tinggi. Ini membolehkan belia tempatan memperoleh pendapatan tetap dan berkemahiran dalam industri hospitaliti tanpa perlu berhijrah ke bandar besar seperti Johor Bahru atau Kuala Lumpur. Namun, jawatan pengurusan pertengahan dan atasan masih banyak diisi oleh individu

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

dari luar daerah yang mempunyai kelayakan formal, menunjukkan bahawa faedah pekerjaan masih tidak setara sepenuhnya.

1.2 Pertumbuhan Perniagaan Homestay dan Penginapan Komuniti

Penganjuran acara bertaraf antarabangsa seperti Ironman Malaysia, Ombak Festival, dan Desaru International Bike Week mendorong permintaan penginapan yang melimpah daripada kapasiti hotel-hotel utama. Senario ini membuka peluang yang bernilai kepada penduduk tempatan untuk menjalankan perniagaan homestay berdaftar.

Penduduk yang memiliki rumah atau tanah berhampiran pantai Desaru kini menjana pendapatan lumayan melalui platform seperti Airbnb dan penempahan langsung. Ini ialah salah satu mekanisme paling langsung di mana manfaat ekonomi pelancongan mengalir terus ke tangan komuniti. Kajian mendapati bahawa semasa musim acara besar, kadar penginapan homestay mencapai 100% dan harga sewaan boleh meningkat dua hingga tiga kali ganda berbanding hari biasa. Pertumbuhan homestay ini bukan sahaja menjana pendapatan sampingan, malah telah menjadi sumber pendapatan utama bagi sesetengah keluarga.

1.3 Pembangunan Industri Makanan, Minuman, dan Kraftangan

Jumlah pelancong yang meningkat mewujudkan permintaan yang tinggi terhadap makanan dan minuman tempatan. Gerai ikan bakar, warung nasi campur, dan peniaga pasar malam di sekitar kawasan Desaru dan Penawar mendapat limpahan perniagaan yang ketara terutama semasa musim acara dan cuti sekolah. Makanan tempatan seperti ikan bakar, kerang rebus, dan masakan Melayu tradisional menjadi tarikan utama bagi pelancong yang ingin mengalami citarasa autentik.

Selain itu, industri kraftangan tempatan seperti anyaman mengkuang, batik tempatan, dan cenderamata berasaskan sumber marin turut mendapat pasaran baharu. Beberapa pengusaha yang memulakan perniagaan kecil-kecilan kini telah berkembang menjadi restoran yang lebih besar, malah ada yang menyediakan perkhidmatan katering untuk acara-acara antarabangsa yang diadakan di Desaru Coast.

1.4 Aktiviti Rekreasi dan Eko-Pelancongan Berasaskan Komuniti

Kawasan Sungai Lebam merupakan aset alam semula jadi yang diusahakan secara aktif oleh komuniti tempatan sebagai produk eko-pelancongan. Penduduk tempatan yang menawarkan perkhidmatan bot, pemandu eko-pelancongan, dan aktiviti memancing mendapat manfaat langsung tanpa bergantung sepenuhnya kepada syarikat luar.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

Model ini lebih inklusif berbanding pelancongan hotel mewah, kerana penduduk berfungsi bukan sahaja sebagai pekerja bergaji tetapi sebagai pemilik produk pelancongan itu sendiri. Ini memberikan mereka kawalan yang lebih besar ke atas pendapatan dan arah perkembangan perniagaan mereka. Antara aktiviti yang ditawarkan termasuk kayak di Sungai Lebam, lawatan bot ke kawasan bakau, pemerhatian burung, dan aktiviti memancing tradisional.

1.5 Rangsangan kepada Sektor Pertanian dan Perikanan Tempatan

Permintaan hotel dan restoran terhadap bahan mentah segar memberi peluang kepada nelayan, penternak ikan air tawar, dan petani tempatan untuk membekalkan hasil laut dan produk pertanian secara langsung. Rantaian bekalan ini, apabila diurus dengan baik, memastikan wang yang dibelanjakan oleh pelancong terus mengalir ke dalam ekonomi tempatan tanpa bocor keluar kepada pembekal luar daerah. Produk seperti udang galah, ikan keli, dan sayuran tempatan mempunyai permintaan yang tinggi daripada hotel-hotel mewah di Desaru Coast.

2. MANFAAT TIDAK LANGSUNG — INFRASTRUKTUR DAN PERKHIDMATAN AWAM

2.1 Peningkatan Infrastruktur Jalan dan Kemudahan Awam

Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) telah melaksanakan program naik taraf infrastruktur yang komprehensif selaras dengan keperluan kawasan pelancongan Desaru. Program ini merangkumi:

- Pembaikpulihan dan pelebaran jalan raya menuju ke Desaru Coast dan kawasan sekitarnya.
- Pemasangan lampu jalan LED baru sepanjang koridor utama bagi meningkatkan keselamatan pada waktu malam.
- Naik taraf tandas awam dan kemudahan rehat di kawasan tumpuan pelancong.
- Pembinaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal di kawasan pantai.
- Penambahbaikan sistem perparitan dan pengurusan sisa pepejal.

Walaupun pelaburan ini dipandu terutamanya oleh keperluan industri pelancongan, penduduk tempatan turut menikmati manfaat infrastruktur ini dalam kehidupan seharian mereka. Jalan yang lebih baik, misalnya, bukan sahaja memudahkan akses pelancong tetapi juga mengurangkan masa perjalanan harian penduduk dan meningkatkan keselamatan jalan raya.

2.2 Pembangunan Kawasan Rekreasi Komuniti

Pembangunan kawasan rekreasi Sungai Lebam bukan sahaja menarik pelancong dari luar, malah mewujudkan ruang hijau dan laluan rekreasi yang digunakan oleh

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

penduduk tempatan pada hujung minggu dan hari kelepasan. Taman rekreasi pantai dan kawasan pejalan kaki di sekitar Desaru turut memberi manfaat kepada warga setempat dari segi kualiti hidup, ruang sosial komuniti, dan kesihatan fizikal. Pembangunan ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan nilai hartanah di kawasan sekitar, yang boleh memberi keuntungan kepada pemilik tanah tempatan.

2.3 Peluang Pendidikan dan Latihan Kemahiran

Kehadiran hotel-hotel antarabangsa turut membawa budaya korporat dan standard kerja yang tinggi ke kawasan Penawar. Program latihan dalaman yang dijalankan oleh hotel-hotel ini telah mendedahkan pekerja tempatan kepada amalan terbaik industri hospitaliti global. Seseengah hotel juga menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan untuk menawarkan program latihan industri (internship) kepada pelajar dari Kota Tinggi dan sekitarnya.

3. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Bagi memastikan manfaat ekonomi pelancongan di Penawar benar-benar dinikmati oleh penduduk tempatan secara lebih luas dan berterusan, beberapa langkah strategik perlu diambil:

3.1 Program Pemilikan Pelancongan Berasaskan Komuniti

Kerajaan negeri dan tempatan perlu menggalakkan penubuhan koperasi pelancongan tempatan yang membolehkan penduduk memiliki dan mengurus produk pelancongan seperti pakej eko-pelancongan, homestay berdaftar, dan aktiviti rekreasi secara kolektif. Model koperasi ini memastikan keuntungan dikongsi bersama dalam komuniti dan mengurangkan pergantungan kepada modal luar.

3.2 Pelaburan dalam Latihan Kemahiran Hospitaliti Tempatan

Kerajaan tempatan, pihak hotel, dan institusi pengajian tinggi perlu bekerjasama menyediakan program latihan kemahiran hospitaliti yang terbuka dan terjangkau kepada penduduk Penawar. Program ini perlu merangkumi kemahiran pengurusan, perkhidmatan pelanggan, bahasa asing, dan teknologi maklumat bagi meningkatkan peluang penduduk tempatan mengisi jawatan pengurusan yang selama ini didominasi oleh orang luar.

3.3 Dasar Keutamaan Pembelian Produk Tempatan

Hotel dan resort di Desaru Coast perlu dipertanggungjawabkan — samada melalui perjanjian lesen atau insentif cukai — untuk mengutamakan pembelian bahan mentah, produk makanan, dan barangan kraftangan daripada pembekal dan pengusaha

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

tempatan secara berstruktur dan terukur. Ini akan memastikan wang pelancong beredar dalam ekonomi tempatan secara lebih cekap.

3.4 Pembangunan Ekosistem IKS dan Usahawan Muda

Mewujudkan hab perniagaan kecil di sekitar Penawar yang menyediakan ruang pejabat bersepadu, bimbingan perniagaan profesional, dan akses kepada pembiayaan mikro bagi usahawan muda yang ingin menceburi sektor pelancongan secara kreatif, berasaskan digital, dan berinovasi. Sokongan dalam bentuk e-dagang, pemasaran digital, dan akses kepada pasaran antarabangsa perlu diperluas.

3.5 Pengurusan Alam Sekitar yang Bertanggungjawab

Pembangunan pelancongan yang pesat perlu diimbangi dengan pengurusan alam sekitar yang ketat bagi memastikan sumber alam semula jadi yang menjadi tarikan utama pelancongan — pantai, hutan bakau, dan sungai — dipelihara untuk generasi akan datang. Komuniti tempatan perlu dilibatkan dalam proses pemantauan dan pengurusan alam sekitar ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, manfaat ekonomi daripada pembangunan pelancongan di Penawar memang wujud dan nyata, namun tahapnya adalah sederhana dan tidak seimbang. Penduduk tempatan yang aktif memanfaatkan peluang seperti perniagaan homestay, gerai makanan, eko-pelancongan, dan pembekalan produk tempatan berjaya mendapat faedah yang ketara dan berterusan.

Namun, mereka yang tidak mempunyai modal permulaan, kemahiran yang diperlukan, atau akses kepada maklumat dan rangkaian perniagaan berisiko ketinggalan dan tidak mendapat bahagian yang adil daripada kek ekonomi pelancongan yang berkembang ini.

Kejayaan pelancongan Desaru sebagai enjin ekonomi yang inklusif dan mapan bergantung kepada sejauh mana pihak kerajaan, sektor swasta, dan komuniti dapat bekerjasama untuk mereka bentuk ekosistem yang memberi penduduk tempatan peranan yang lebih bermakna — bukan sekadar sebagai pekerja bergaji, tetapi sebagai pemilik perniagaan, pelabur kecil, dan penentu arah pembangunan kawasan mereka sendiri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN 17 (A104)

Kita sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri Johor sentiasa cakna akan hal ehwal kanak-kanak. Oleh itu, apakah antara usaha-usaha dalam menggalakkan persekitaran yang mesra kanak-kanak?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor pada masa kini melaksanakan pelbagai usaha bersepadu bagi memastikan persekitaran yang lebih selamat, inklusif dan mesra kanak-kanak, selaras dengan agenda pembangunan sosial negeri serta aspirasi perlindungan kanak-kanak di peringkat nasional.

Antara usaha utama ialah pengukuhan sistem perlindungan kanak-kanak melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat yang melaksanakan intervensi kes, pemantauan kes penderaan, pengabaian serta pengurusan kes berisiko di peringkat komuniti. Di Johor, pendekatan ini diperkukuh melalui latihan pasukan sokongan kanak-kanak serta program advokasi hak kanak-kanak yang melibatkan komuniti setempat, guru dan pemimpin masyarakat bagi meningkatkan keupayaan pengesanan awal kes berisiko.

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa meletakkan agenda kesejahteraan kanak-kanak sebagai keutamaan selaras dengan konsep Johor Selamat dan agenda Maju Johor. Bagi memastikan persekitaran yang mesra kanak-kanak, berikut adalah usaha-usaha progresif yang sedang dilaksanakan:

1. Program Latihan Kepada Child Support Team Johor Menggunakan Modul Lindungi Permata Johor dan Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bersama ahli CSTJ yang telah mendapat latihan menggunakan Modul Lindungi Permata Johor. Bermula pada tahun 2023 sehingga 2025 telah berjaya melatih seramai 571 orang sukarelawan dan sebanyak 381 kes melibatkan kanak-kanak telah dirujuk oleh Ahli CSTJ.
2. Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak yang bermula pada tahun 2024 dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah berjaya melaksanakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di 32 buah sekolah di seluruh Negeri Johor dengan penglibatan pelajar seramai 17,101 orang.
3. Memastikan Pendidikan Awal dan TASKA berkualiti dengan menjalankan Task Force Pendaftaran TASKA setiap tahun dengan melaksanakan pemantauan TASKA yang berdaftar bagi memastikan standard keselamatan dan kualiti asuhan dipatuhi. Tindakan penguatkuasaan juga telah dilaksanakan bagi

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

TASKA yang tidak berdaftar atau didapati tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan..

4. Perneriksaan 11 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang berfungsi sebagai pusat komuniti yang menyediakan tempat selamat untuk kanak-kanak berkumpul dan melakukan aktiviti berfaedah selepas waktu sekolah bagi mengelakkan kanak-kanak terlibat dengan gejala sosial dan memberikan ruang untuk bimbingan kerja sekolah serta latihan kemahiran. Selain itu, menjadikan komuniti setempat sebagai "mata dan telinga" dalam menjaga keselamatan kanak-kanak di kawasan tersebut.
5. Selain itu, kerjasama strategik bersama pihak berkuasa tempatan (PBT), sektor awam dan sektor swasta diperkukuhkan untuk memastikan premis awam adalah selamat seperti penyediaan fasiliti mesra kanak-kanak di taman rekreasi dan pusat beli-belah dengan menyediakan bilik penyusuan yang selesa dan tandas kanak-kanak serta pemasangan papan tanda amaran dan pencahayaan yang lebih baik di kawasan tumpuan kanak-kanak bagi mengurangkan risiko jenayah.

Dari aspek persekitaran fizikal, pihak berkuasa tempatan di Johor juga menaik taraf kemudahan awam seperti taman permainan dan ruang komuniti dengan konsep mesra OKU dan selamat untuk kanak-kanak, termasuk laluan tanpa halangan dan kemudahan inklusif bagi memastikan semua kanak-kanak dapat menikmati ruang awam dengan selamat.

Kesimpulannya, usaha Kerajaan Negeri Johor adalah bersifat menyeluruh merangkumi aspek perlindungan, penyertaan, persekitaran fizikal dan pembangunan komuniti, bagi memastikan kanak-kanak di negeri ini membesar dalam suasana yang lebih selamat, sejahtera dan kondusif.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 18 (A50)

Apakah pelan tindakan khusus Kerajaan Negeri Johor untuk mentransformasikan DUN Bukit Nanning sebagai hub pertanian moden berteknologi tinggi (agritech), termasuk sokongan dari segi mekanisasi, digitalisasi, rangkaian pemasaran dan jaminan harga hasil, bagi memastikan pendapatan petani meningkat secara mampan?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam mewujudkan sesebuah hab pertanian moden, ia memerlukan pendekatan menyeluruh yang bermula dengan pengenalanpastian kawasan berpotensi, diikuti pelaksanaan zoning atau pewartaan kawasan pertanian secara strategik. Proses ini memerlukan cadangan tapak yang sesuai daripada Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah Daerah, dengan mengambil kira kesesuaian guna tanah, infrastruktur sedia ada serta potensi pembangunan secara bersepadu.

Sekiranya sesuatu kawasan telah dikenal pasti dan diputuskan oleh Kerajaan Negeri sebagai hab pertanian moden berteknologi tinggi (agritech), jabatan dan agensi berkaitan di bawah portfolio Pertanian dan Industri Asas Tani bersedia untuk menyediakan sokongan secara komprehensif. Ini termasuk bantuan dari segi mekanisasi, penggunaan teknologi digital, pembangunan rangkaian pemasaran serta sokongan kepada aspek nilai tambah dan pemprosesan hasil.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh ini, usaha untuk terus memperkasa aktiviti pertanian serta menyokong pengusaha sedia ada di kawasan DUN Bukit Nanning tetap menjadi keutamaan Kerajaan Negeri, agar mereka turut menerima manfaat secara langsung daripada inisiatif yang dilaksanakan.

Kerajaan Negeri Johor melalui Lembaga Pertubuhan Peladang juga telah menyokong bagi merencanakan lagi aktiviti tanaman nanas Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bakri dengan peruntukan RM347,650. Bagi merealisasikan Bukit Nanning sebagai hub Agritech, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Pertubuhan Peladang juga ada menawarkan beberapa program yang boleh dimohon oleh usahawan di Bukit Nanning iaitu :

- 1. Program Pemilikan Jentera Kecil dan Sederhana :** Berbentuk geran padanan. Setiap pemohon boleh mohon lebih dari satu jentera dengan nilai RM20,000.00
- 2. Program Pemerksaan Usahawan Peladang (Rise-Up 2.0) :** Berbentuk geran padanan. Had bantuan geran padanan ialah dari RM20,000.00 hingga RM150,000.00.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

Transformasi ini adalah langkah proaktif Lembaga Pertubuhan Peladang untuk memastikan kawasan Bukit Naning tidak ketinggalan dalam arus pemodenan pertanian. Dengan sinergi antara PPNJ, PPK Bakri, serta bantuan peruntukan kerajaan, kita yakin sektor pertanian di Bukit Naning akan menjadi pemacu utama pendapatan petani dan penyumbang kepada Keterjaminan Makanan Negeri Johor yang mampan.

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) juga memberi sokongan dari segi mekanisasi, digitalisasi, rangkaian pemasaran dan jaminan harga hasil. Dari segi Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PPN), LPNM Johor telah membangunkan, menaik taraf dan mengoperasikan empat (4) Pusat Pengumpulan Nanas (PPN) di Daerah Muar sebagai hab pengumpulan dan pemasaran buah nanas, khususnya bagi menyokong pengeluaran di kawasan Bukit Naning. Kerajaan Negeri menerusi LPNM Johor juga telah membekalkan bantuan mekanisasi kepada tiga (3) pengusaha di Daerah Muar, melibatkan satu (1) unit *badang* (pengangkutan aktiviti ladang) dan dua (2) unit ATV berserta *cargo*, bagi meningkatkan kecekapan operasi ladang.

LPNM turut menyediakan insentif di bawah skop pengurusan sisa tanaman nanas kepada dua (2) pengusaha melalui pembekalan dua (2) unit mesin *crusher*, bertujuan menggalakkan amalan pertanian mampan serta mengoptimumkan penggunaan sisa ladang. Selain itu, sebuah kilang pemprosesan hasil nanas telah beroperasi di kawasan Muar/Pagoh (Kawasan Bersepadu Utara – KBU Pagoh), diusahakan oleh syarikat swasta berdaftar dengan LPNM. Kemudahan ini menyokong aktiviti hiliran seperti penghasilan jus dan jem nanas, sekali gus memperkukuh rangkaian nilai industri nanas di Johor.

Menerusi Jabatan Pertanian, 3 pengusaha di DUN Bukit Naning telah mendapat insentif bantuan tahun 2026 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM82,000 di bawah Projek Tanaman Makanan Utama Negeri Johor.

Secara umumnya, Jabatan Pertanian Negeri menerusi Pejabat Pertanian di daerah-daerah juga mempergiat penggunaan jentera moden dan sistem automasi seperti penggunaan dron, sistem fertigasi serta peralatan pintar bagi meningkatkan kecekapan operasi ladang, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh dan meningkatkan hasil pengeluaran. Kedua, pendekatan pertanian pintar (smart farming) diperluaskan melalui penggunaan teknologi Internet of Things (IoT), sistem pemantauan tanaman dan aplikasi digital bagi membantu petani membuat keputusan berasaskan data (data-driven decision making), sekali gus meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil.

Kerajaan Negeri turut memperkukuh akses pasaran melalui platform pemasaran digital, kerjasama dengan agensi pemasaran serta penglibatan dalam program ladang kontrak (contract farming) bagi memastikan hasil pertanian mempunyai saluran

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

pasaran yang lebih stabil dan berdaya saing. Bagi memastikan pendapatan petani lebih mampan, Kerajaan Negeri menyokong pelaksanaan mekanisme jaminan harga melalui kerjasama strategik dengan agensi berkaitan serta memperluaskan skim insentif, subsidi input dan sokongan kewangan kepada pengusaha.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberi penekanan kepada pembangunan modal insan melalui latihan, bimbingan teknikal serta penglibatan golongan muda dalam sektor agritech bagi memastikan kesinambungan sektor pertanian.

Kesimpulannya, pendekatan ini dijangka mampu menjadikan DUN Bukit Naning sebagai hab pertanian moden yang berdaya maju, berteknologi tinggi serta mampu meningkatkan pendapatan petani secara mampan selaras dengan agenda keterjaminan makanan negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 19 (A150)

Apakah usaha Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini dalam mengurangkan kos operasi (tenaga) di semua premis serta aset PBT secara bersasar dan berkesan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Kerajaan Negeri Johor komited dalam mengurangkan kos operasi tenaga melalui pendekatan yang lebih cekap dan mampan.

Antara usaha utama ialah memperkasa penggunaan tenaga boleh baharu, khususnya melalui pemasangan sistem solar di pelbagai premis PBT seperti pejabat, dewan dan kemudahan awam.

Selain itu, penggunaan teknologi pintar turut diperluaskan, antaranya:

1. Penggantian lampu konvensional kepada LED
2. Pelaksanaan Smart Street Lighting
3. Penggunaan motion sensor dan daylight sensor

Dari sudut pengurusan bangunan pula, langkah berikut dilaksanakan:

1. Penetapan suhu penyaman udara antara 24°C hingga 26°C
2. Pelaksanaan audit tenaga berkala
3. Penggunaan sistem inverter

Dalam masa yang sama, kawalan pembangunan turut diperkukuh dengan mewajibkan reka bentuk cekap tenaga serta pematuhan kepada piawaian Green Building Index (GBI).

Kesimpulannya, pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan kos, tetapi turut menyokong agenda pembangunan mampan negeri.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)

SOALAN 20 (A168)

Apakah pencapaian program pemerksaan ekonomi wanita seperti PINTAR setakat ini dan berapa ramai usahawan wanita baharu yang berjaya dilahirkan melalui program negeri?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Program Pemerksaan Sokongan Ekonomi Wanita dan Golongan Sasar (PINTAR) telah distrukturkan semula pada Tahun 2024 bagi memastikan pelaksanaan program ini yang berteraskan keusahawanan diberikan secara lebih fokus kepada golongan sasar YPKDT iaitu Ibu Tunggal, Wanita Berpendapatan Rendah (B40), Belia Wanita B40 dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Program ini bertujuan membantu golongan sasar menjana serta meningkatkan pendapatan diri dan keluarga melalui pelaksanaan program – program di bawah PINTAR seperti Kursus Kemahiran Asas, Bantuan Peralatan Asas Perniagaan serta Kursus Intensif Perniagaan.

Berdasarkan penerima manfaat bagi Tahun 2024 dan 2025 yang telah dilahirkan dibawah Program PINTAR ini adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PENERIMA MANFAAT	BANTUAN
2024	216	Bantuan Peralatan Perniagaan
	1,071	Kursus Intensif Perniagaan
2025	603	Bantuan Peralatan Perniagaan
	700	Kursus Intensif Perniagaan

Di bawah Program Bantuan Peralatan Asas Perniagaan, penerima manfaat telah menunjukkan peningkatan prestasi perniagaan yang memberangsangkan, iaitu sekurang-kurangnya sebanyak 30% daripada pendapatan asal selepas menerima bantuan peralatan seperti oven, mixer, mesin jahit industri dan lain-lain peralatan berkaitan. Penyediaan peralatan ini telah membantu meningkatkan kapasiti pengeluaran, kecekapan operasi serta kualiti produk, seterusnya memberi impak positif terhadap pendapatan dan kelangsungan perniagaan peserta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

Di bawah pelaksanaan Kursus Intensif Perniagaan pula, penerima manfaat telah berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan merangkumi aspek pengurusan kewangan, penstrukturan semula jenama produk, serta penambahbaikan pembungkusan dan pelabelan produk. Secara tidak langsung, kursus-kursus yang dilaksanakan ini telah memperkukuhkan keupayaan “Usahawan Rintis” di bawah seliaan YPKDT untuk terus berkembang dan lebih berdaya saing dalam bidang perniagaan yang diceburi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)

SOALAN 21 (A172)

Apakah rancangan dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk menambah peruntukan kewangan dalam membangunkan mahupun membaik pulih bangunan keagamaan bukan Islam di seluruh negeri Johor?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara prinsipnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mempunyai punca kuasa untuk memperuntukkan kewangan secara langsung bagi tujuan pembinaan, penyelenggaraan atau membaik pulih Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).

Peruntukan oleh Kerajaan Negeri pula lazimnya tertumpu kepada rumah ibadat Islam, selaras dengan struktur perundangan dan bidang kuasa sedia ada.

Namun demikian, Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan yang inklusif dan praktikal melalui kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan keperluan pembangunan rumah ibadat bukan Islam tetap dapat dipenuhi.

Antara kaedah yang digunapakai ialah:

1. Permohonan peruntukan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan KPKT
2. Sumbangan komuniti serta badan pengurusan rumah ibadat
3. Peranan PBT sebagai pemudah cara dan penyelaras teknikal

Dalam masa yang sama, PBT memainkan peranan penting dalam memastikan setiap pembangunan mematuhi peraturan melalui:

1. Kelulusan pelan Pembangunan
2. Kawalan zon guna tanah
3. Pematuhan kepada Akta 172 dan Akta 133

Selain itu, perancangan jangka panjang turut dilaksanakan dengan menyediakan rizab tanah rumah ibadat dalam pelan pembangunan bagi memastikan keseimbangan antara keperluan komuniti dan pembangunan fizikal.

Kesimpulannya, pendekatan Kerajaan Negeri adalah berasaskan kerjasama, pemudahcaraan dan perancangan strategik, bagi memastikan keharmonian masyarakat majmuk terus terpelihara.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**SOALAN 22 (A6)**

Apakah rancangan penukaran air paip lama di negeri Johor pada tahun ini? Senaraikan tempat akan ditukar di setiap daerah serta jumlah panjang km yang dijangka akan tercapai.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Yang Berhormat Stulang, untuk makluman, program penggantian paip lama bagi tahun 2026 masih berjalan dan dijangka siap pada tahun ini membabitkan beberapa daerah seperti Batu Pahat dengan kerja penggantian paip sepanjang 12.6 km, Segamat (22.5 km), Kluang (17.4 km) dan daerah Johor Bahru membabitkan sepanjang 39.15 km dengan jumlah keseluruhan 91.65 km. Manakala sebanyak 101 km telah dapat disiapkan pada tahun ini melibatkan daerah Johor Bahru, Pontian, Kulai, Segamat, Kluang, Kota Tinggi, Btau Pahat dan Mersing.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 23 (A190)

Nyatakan usaha kerajaan negeri dalam mewujudkan Hab Sihat bagi membantu rakyat yang menghadapi masalah kesihatan khususnya kesihatan mental.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Kesihatan Mental merupakan perkara penting dalam kehidupan setiap individu. Sepanjang tempoh 5 tahun lepas, terdapat peningkatan beban masalah kesihatan mental di Malaysia. Laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (National Health Morbidity Survey) pada tahun 2023 mendapati 1 juta (4.6%) rakyat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas dilaporkan mengalami kemurungan (depression) iaitu peningkatan sebanyak dua kali ganda berbanding dengan kajian yang sama pada tahun 2019 dengan prevalens 2.3%.

Cadangan mewujudkan Hab Sihat atau Pusat Sokongan Kesihatan Mental bagi membantu rakyat yang menghadapi masalah kesihatan khususnya kesihatan mental merupakan satu cadangan dan pandangan yang sangat baik. Dari perspektif perawatan kesihatan mental juga turut bersetuju bahawa peranan dan sokongan keluarga serta komuniti adalah sangat penting dalam memastikan pesakit mental masih boleh berfungsi dengan baik di komuniti.

Di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Johor, semua Klinik Kesihatan telah menjalankan perkhidmatan perawatan kesihatan mental. Selain itu, lantikan Pegawai Kaunselor Psikologi di klinik kesihatan turut membantu dalam perawatan kesihatan mental. Pengwujudan Klinik Mentari seperti yang berada di UTC Johor Bahru turut sebenarnya boleh berfungsi sebagai Hab Sihat bagi komuniti dengan kesihatan mental yang menyediakan pelbagai aktiviti serta kepakaran pengurusan klien. Malahan dalam usaha bagi memastikan tahap kesihatan mental berada di tahap baik, pelbagai aktiviti saringan, intervensi serta advokasi telah dijalankan di komuniti dan klinik kesihatan.

Walau bagaimanapun, cadangan usaha mewujudkan Hab Sihat atau Pusat Sokongan Kesihatan Mental bagi membantu rakyat yang menghadapi masalah kesihatan khususnya kesihatan mental akan tetap dipertimbangkan mengikut keperluan situasi dan kebolehlaksana pada masa akan datang.

Peranan perkhidmatan Wellness Hub di Johor kini telah berkembang melangkaui kesihatan fizikal, bertindak sebagai jaringan keselamatan sosial dan mental yang kritikal. Dalam mendepani tekanan kos sara hidup dan ketidakpastian ekonomi global, kini Wellness Hub berfungsi sebagai Pusat Sokongan Kesihatan Mental Komuniti melalui pendekatan berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

1. Dekriminalisasi dan Normalisasi Sokongan Mental

Tekanan ekonomi sering membawa kepada isolasi sosial. Wellness Hub menyediakan ruang yang "mesra" dan tidak stigmatik:

* Khidmat Nasihat Awal (Psychological First Aid): Individu yang terkesan dengan kehilangan pekerjaan atau krisis kewangan boleh mendapatkan sokongan emosi awal tanpa perlu melalui prosedur hospital yang tegar.

* Saringan Minda Sihat: Melalui ujian DASS (Depression, Anxiety, and Stress Scale), kakitangan Wellness Hub dapat mengesan tanda-tanda awal kemurungan akibat tekanan hidup sebelum ia melarat menjadi kronik.

2. Intervensi Gaya Hidup sebagai Penampan Stress

Kajian menunjukkan aktiviti fizikal adalah ubat semula jadi bagi tekanan mental. Wellness Hub mengintegrasikan kedua-duanya:

* Pengurusan Tekanan Melalui Aktiviti: Program seperti senaman ringan, teknik pernafasan, dan terapi relaksasi disediakan secara percuma untuk membantu rakyat menguruskan hormon kortisol (hormon stres) yang tinggi akibat bebanan kerja atau krisis tenaga global.

* Terapi Kelompok: Menyediakan platform untuk komuniti berkumpul, berkongsi pengalaman, dan membina daya tahan (resilience) bersama, sekaligus mengurangkan rasa terasing dalam mendepani cabaran ekonomi.

3. Pemerkasaan Literasi Kewangan dan Kesejahteraan

Krisis tenaga global dan inflasi memerlukan perubahan gaya hidup. Wellness Hub membantu dari sudut psikologi tingkah laku:

* Bengkel Pengurusan Kendiri: Mengajar teknik "Mindful Living" — bagaimana menguruskan perbelanjaan dan penggunaan tenaga dengan tenang tanpa mencetuskan panik atau keresahan melampau.

* Pendidikan Pemakanan Bajet Rendah: Membantu keluarga merancang pemakanan sihat tetapi kos rendah, yang secara tidak langsung mengurangkan tekanan mental berkaitan keselamatan makanan (food security).

4. Integrasi dengan Sistem Kesihatan Mental Negeri

Wellness Hub bertindak sebagai pintu masuk (gatekeeper) utama bagi kesihatan mental di Johor:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

* Rujukan Strategik: Jika kes dikesan serius, Wellness Hub mempunyai laluan pantas (fast-track) untuk merujuk individu tersebut ke pakar psikiatri di Hospital Sultanah Aminah (HSA) atau Hospital Sultan Ismail (HSI).

Selain daripada itu, aplikasi MySejahtera telah berevolusi daripada alat pemantauan pandemik kepada sebuah platform kesihatan digital yang komprehensif, terutamanya melalui modul Minda Sihat. Masyarakat boleh memanfaatkan aplikasi ini sebagai langkah awal yang diskret, pantas, dan mudah dicapai untuk menjaga kesejahteraan mental.

Berikut adalah cara praktikal bagaimana masyarakat Johor dan Malaysia amnya boleh menggunakan MySejahtera:

1. Melakukan Saringan Kendiri secara Berkala

Masyarakat tidak perlu menunggu sehingga krisis berlaku untuk memeriksa tahap kesihatan mental mereka.

* Ujian DASS (Depression, Anxiety and Stress Scale): Di dalam modul Minda Sihat, pengguna boleh menjawab soalan saringan untuk mengetahui tahap stres, kegelisahan, dan kemurungan mereka.

* Saringan Kesihatan Minda (PHQ-9 & GAD-7): Instrumen yang diiktiraf secara klinikal ini membantu pengguna mengenal pasti simptom awal masalah mental dengan lebih objektif melalui peranti peribadi.

2. Akses kepada Sumber Pendidikan dan Literasi

Aplikasi ini menyediakan pustaka maklumat yang boleh membantu individu memahami apa yang mereka alami:

* Tips Penjagaan Kendiri: Terdapat pelbagai bahan bacaan mengenai teknik relaksasi, cara menangani tekanan di tempat kerja, dan penjagaan tidur yang berkualiti.

* Video Intervensi: Akses kepada video panduan pernafasan atau senaman ringan yang boleh membantu mengurangkan serangan panik atau keresahan (anxiety) secara serta-merta.

3. Pencarian Fasilitas dan Bantuan Profesional

Salah satu cabaran terbesar adalah tidak tahu ke mana harus dituju. MySejahtera mempermudah pencarian ini:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

* Direktori Perkhidmatan: Pengguna boleh mencari lokasi Klinik Kesihatan terdekat atau Wellness Hub yang menyediakan perkhidmatan kaunseling.

* Talian Bantuan (Hotlines): Aplikasi ini menyediakan pautan terus kepada talian bantuan seperti HEAL 15555 (talian bantuan krisis kesihatan mental KKM) yang beroperasi 24 jam.

4. Janjijiwaku: Tempahan Slot Temujanji

Bagi mereka yang memerlukan sesi bersemuka atau kaunseling profesional:

* Masyarakat boleh menggunakan fungsi janjitemu dalam aplikasi untuk memilih slot di fasiliti kesihatan kerajaan. Ini mengurangkan rasa segan atau "stigma" kerana proses tempahan dilakukan secara digital tanpa perlu menunggu lama di kaunter pendaftaran.

Dengan MySejahtera, "klinik kesihatan mental" kini berada di dalam poket setiap rakyat. Ia meruntuhkan tembok stigma dan memberikan kuasa kepada individu untuk mengambil langkah pertama ke arah pemulihan dengan lebih berani dan bermaklumat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**SOALAN 24 (A32)**

Berapakah peruntukan tahunan untuk program pembangunan wanita dan bagaimana keberkesannya diukur?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Untuk makluman, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sentiasa komited dalam menyantuni golongan wanita selaras dengan objektif penubuhannya iaitu membawa wanita dalam arus Pembangunan. Peruntukan tahunan bagi program-program dan inisiatif pembangunan wanita di bawah YPKDT adalah berbeza setiap tahun.

Bagi tahun 2024 YPKDT telah menerima peruntukan Bajet Pembangunan berjumlah RM3,270,000.00:

- 1- RM650,000.00: Konvensyen Pemerksaan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Negeri Johor (KOMENTAR) – Sambutan Hari Wanita/ Sambutan Hari Ibu dan Bapa/ Seminar/ Konvensyen/ Pembentangan Kertas Kerja Isu-Isu Pemerksaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- 2- RM1,000,000.00: Inisiatif Pemberdayaan Wanita Dan Golongan Sasar (Pintar) – Inisiatif peningkatan ekonomi, skim bantuan peralatan perniagaan, latihan kemahiran dan keusahawanan wanita dan golongan sasaran (belia & OKU).
- 3- RM120,000.00: WCaRe Johor (Women Cancer Reproductive Awareness) – kempen kesihatan saringan pemeriksaan mammogram dan HPV DNA bagi kanser pencegahan kanser payudara dan kanser servik di kalangan wanita.
- 4- RM1,500,000.00 Fasa Pertama 2024 (Peruntukan keseluruhan RM3,400,000.00): Pembangunan Rumah Pesona Johor (Rumah Perlindungan Sementara Wanita) – Kerja-kerja menaiktaraf dan membina bangunan tambahan bagi Rumah Pesona Johor Fasa Pertama 2024.

Bagi tahun 2025 pula YPKDT telah menerima peruntukan Bajet Pembangunan berjumlah RM5,350,000.00:

- 1- RM2,500,000.00 Fasa Kedua 2025 (Peruntukan keseluruhan RM3,400,000.00): Pembangunan Rumah Pesona Johor (Rumah Perlindungan Sementara Wanita) – Kerja-kerja menaiktaraf dan membina bangunan tambahan bagi Rumah Pesona Johor Fasa Pertama 2025.
- 2- RM1,500,000.00: Program Pemerksaan Ekonomi Wanita dan Golongan Sasar - Inisiatif peningkatan ekonomi, skim bantuan peralatan perniagaan, latihan kemahiran dan keusahawanan wanita dan golongan sasaran (belia & OKU).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

- 3- RM1,000,000.00: Kembara Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor (KAWAN) – Sambutan Hari Wanita (Peringkat Negeri & Dun)/ Program KAWAN, Program Pesona Keluarga Johor.
- 4- RM50,000.00: Advokasi Anti Gangguan Seksual Dan Hentikan Keganasan Terhadap Wanita – Pembikinan Video/ Poster/ Motion graphic advokasi dan kempen.
- 5- RM300,000.00: WCaRe Johor (Women Cancer Reproductive Awareness) – kempen kesihatan saringan pemeriksaan mammogram dan HPV DNA bagi kanser pencegahan kanser payudara dan kanser servik di kalangan wanita.

Bagi tahun 2026 pula YPKDT telah menerima peruntukan Bajet Pembangunan berjumlah RM4,000,000.00:

- 1- RM100,000.00: WCaRe Johor (Women Cancer Reproductive Awareness) – kempen kesihatan saringan pemeriksaan mammogram dan HPV DNA bagi kanser pencegahan kanser payudara dan kanser servik di kalangan wanita.
- 2- RM400,000.00: Menaiktaraf dan Membina Dewan Makan Rumah Pesona Johor
- 3- RM2,500,000.00: Program Pemerksaan Ekonomi Wanita dan Golongan Sasar - Inisiatif peningkatan ekonomi, skim bantuan peralatan perniagaan, latihan kemahiran dan keusahawanan wanita dan golongan sasaran (belia & OKU).
- 4- RM1,000,000.00: Bantuan Saringan Mammogram Dan Ultrasound Melalui Kerjasama KPJ Dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor - kempen kesihatan saringan pemeriksaan mammogram bagi pencegahan kanser payudara.

Bagi memastikan keberkesanan program-program dan inisiatif pembangunan wanita dan golongan sasaran di bawah YPKDT, YPKDT telah melaksanakan lawatan pemantauan projek seperti peningkatan perniagaan bagi usahawan-usahawan homebased- business di bawah PINTAR, selain itu juga, YPKDT melaksanakan semakan kriteria dan analisis instrumen pengukuran Modul Penarafan Bintang dan Pengukuran Projek Berimpak Program-Program di bawah YPKDT dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia. Jusetru, melalui kaedah pemantauan dan pengukuran keberkesanan projek ini dapat menentukan kekuatan yang akan dikekalkan dan kelemahan yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan di masa akan datang.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 25 (A58)

Apakah pelan tindakan khusus di bawah pelan Transformasi Ekonomi Johor (JETP) bagi memastikan DUN Gambir menerima limpahan ekonomi yang saksama dan apakah langkah intervensi kerajaan dalam membantu memperkasakan sektor agro makanan dan PMKS di Gambir.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Program Transformasi Ekonomi Negeri Johor (JETP) ialah pelan transformasi ekonomi negeri yang menyeluruh bagi memastikan kemakmuran Johor dirasai secara lebih seimbang dari kawasan bandar ke luar bandar, dari zon industri ke kawasan pertanian, dari pelabur besar kepada PMKS dan dari ekonomi makro kepada poket rakyat. Apabila Johor melonjak sebagai kuasa ekonomi baharu negara, limpahan itu mesti sampai juga ke Bukit Gambir, Tangkak dan kawasan-kawasan luar bandar yang menjadi nadi pengeluaran makanan, pertanian, pelancongan desa dan perusahaan kecil negeri ini.

Untuk makluman, JETP menetapkan sasaran besar untuk Johor menjadi negeri maju dengan mencapai KDNK RM260 bilion menjelang 2030, mewujudkan lebih 200,000 peluang pekerjaan baharudan meningkatkan KDNK per kapita negeri kepada sekitar RM69,000. Namun bagi Kerajaan Negeri, angka-angka besar ini tidak bermakna jika kemakmuran hanya terkumpul di satu dua kawasan sahaja. Pertumbuhan mesti diagih, peluang mesti diperluas dan daerah mesti diperkasa mengikut kekuatan masing-masing.

Dalam kerangka JETP, semua 10 daerah di Johor telah dinilai mengikut kekuatan ekonominya masing-masing. Bagi Daerah Tangkak, kedudukannya telah dikenal pasti sebagai Pusat Transit Strategik dan Eko pelancongan. Ini bermaksud Tangkak, termasuk DUN Gambir, tidak dilihat sebagai kawasan pinggir, tetapi sebagai kawasan strategik yang boleh menghubungkan pertanian, pemprosesan makanan, pelancongan, logistik dan PMKS dalam satu ekosistem ekonomi daerah yang lebih kukuh.

Tangkak mempunyai beberapa kekuatan utama, antaranya akses kepada aset pelancongan, hubungan strategik melalui koridor WCE-NSE, ketersediaan tanah industri serta kedudukannya sebagai pengeluar buah-buahan terbesar dan pengeluar sayur-sayuran kedua terbesar di Johor. Ini adalah asas penting untuk memastikan kawasan Gambir menerima limpahan ekonomi melalui kekuatan sebenar daerahnya.

Tangkak turut berpotensi membangunkan sektor elektrik dan elektronik bernilai tinggi serta pertanian berasaskan teknologi dengan tarikan pelaburan pembuatan sekitar RM2 bilion pada tahun 2023. Selain itu, struktur tanah di Tangkak juga dilihat sesuai

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

untuk tanaman bernilai tinggi seperti durian, manakala Sawah Ring-Grisik dikenal pasti sebagai kawasan berpotensi untuk pelaburan pertanian masa hadapan.

Maka, pendekatan Kerajaan Negeri adalah untuk menterjemahkan kekuatan Daerah Tangkak ini kepada tindakan ekonomi yang lebih dekat dengan rakyat. Fokus kita bukan sekadar menjual hasil pertanian sebagai bahan mentah tetapi mengangkatnya kepada rantai nilai yang lebih tinggi melalui pemprosesan makanan, pembungkusan, penjenamaan, pemasaran, logistik dan pembangunan produk agro makanan bernilai tambah.

Antara cadangan strategik JETP bagi daerah Tangkak ialah mengembangkan kluster agro-industri yang memberi tumpuan kepada usahawan PMKS dalam bidang pemprosesan makanan, teknologi makanan, pembungkusan, jentera pertanian dan produk hiliran agro makanan. Ini selari dengan keperluan DUN Gambir untuk memperkasakan sektor agro makanan dan PMKS, khususnya usahawan kecil yang terlibat dalam makanan, hasil tani, pemprosesan, pembungkusan, jentera pertanian dan produk hiliran.

JETP turut mencadangkan pembangunan Koridor Transit dan Logistik Utara Johor yang menghubungkan rangkaian Lebuh raya Pesisiran Pantai Barat dengan Lebuh raya Utara-Selatan. Bagi DUN Gambir, cadangan ini amat strategik kerana ia akan membuka laluan pasaran yang lebih luas kepada hasil pertanian, produk makanan, keluaran PMKS dan produk pelancongan desa. Dengan jaringan logistik yang lebih cekap produk dari Gambir tidak lagi hanya berlegar dalam pasaran setempat tetapi berupaya menembusi pasaran daerah sekitar, negeri berjiran dan pasaran luar negeri.

Bagi memperkukuh PMKS, JETP turut mencadangkan pelaksanaan geran atau program sokongan di peringkat daerah bagi menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana beralih kepada amalan perniagaan yang lebih hijau serta penggunaan teknologi digital. Ini bermaksud PMKS di Daerah Tangkak termasuk di DUN Gambir, perlu dibantu untuk menjadi lebih moden, cekap, mampan dan berdaya saing. Antara tumpuan yang boleh digerakkan termasuk pemasaran digital, e-dagang, pembungkusan moden, pensijilan produk, peningkatan produktiviti serta penggunaan teknologi dalam operasi perniagaan harian.

JETP juga mencadangkan agar koridor Gunung Ledang sebagai destinasi utama eko-agro pelancongan. Ini memberi ruang kepada Gambir dan kawasan sekitarnya untuk mengambil limpahan melalui produk pelancongan desa, homestay, makanan tempatan, jualan produk agro, pengalaman lawatan ke ladang serta perusahaan komuniti yang boleh menjana pendapatan tambahan kepada rakyat setempat.

Kerajaan Negeri juga akan memastikan perancangan pembangunan daerah terus dipandu oleh dokumen perancangan yang berkaitan, termasuk Rancangan Tempatan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

Daerah Tangkak 2030 dan Rancangan Struktur Negeri Johor 2040 yang sedang dilaksanakan. Ini bagi memastikan keperluan guna tanah, infrastruktur, jaringan pengangkutan, kawasan pertumbuhan ekonomi dan kemudahan sokongan dapat diselaraskan dengan hala tuju pembangunan negeri secara menyeluruh.

Prinsip Kerajaan Negeri adalah jelas dimana pembangunan ekonomi Johor mesti bersifat inklusif dan tidak tertumpu hanya di kawasan JS-SEZ atau pusat pertumbuhan utama semata-mata. Kita tidak mahu DUN Gambir, Tangkak dan daerah-daerah lain di luar JS-SEZ hanya menjadi pemerhati kepada arus pembangunan negeri. Sebaliknya, setiap daerah mesti diberi ruang untuk menjadi peserta aktif, penerima manfaat dan penyumbang penting kepada ekonomi baharu Johor, berdasarkan kekuatan dan kelebihan masing-masing.

Dalam kerangka JETP, kekuatan Gambir dan Daerah Tangkak bukanlah kecil. Ia terletak pada tanah yang subur, hasil pertanian yang bernilai, PMKS yang berpotensi untuk diperkasa, kedudukan yang strategik serta kekayaan produk pelancongan desa yang boleh dijadikan sumber pendapatan baharu kepada rakyat setempat. Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri mahu memastikan limpahan ekonomi Johor benar-benar sampai ke akar umbi dan dirasai secara adil oleh seluruh Bangsa Johor.

Kesimpulannya, pelan tindakan untuk kawasan DUN Gambir bukanlah cadangan yang terasing, tetapi berpaksikan hala tuju yang telah dinyatakan dalam dokumen JETP bagi Daerah Tangkak. Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri mahu memastikan limpahan ekonomi Johor tidak hanya tertumpu di kawasan bandar atau zon industri besar, tetapi turut sampai ke kawasan pertanian, kawasan luar bandar, perusahaan kecil, komuniti desa dan rakyat di DUN Gambir.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**SOALAN 26 (A167)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan untuk membina Rumah Mampu Milik di Kampung Baru Bekok bagi membantu keperluan perumahan penduduk setempat?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Bekok setakat ini belum terdapat projek Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) yang diluluskan secara khusus di Kampung Baru Bekok. Pelaksanaan sesuatu projek perumahan di kawasan seperti Bekok perlu mengambil kira beberapa faktor utama, antaranya kesesuaian dan status tanah Kerajaan, permintaan rumah mampu milik di sesebuah kawasan, penyediaan akses dan infrastruktur asas; serta daya maju pelaksanaan, termasuk penyertaan pemaju swasta. Kekangan dari sudut daya tarikan pasaran oleh pemaju menyebabkan pembangunan perumahan di kawasan ini tidak dapat dibangunkan.

Namun demikian, Yang Berhormat, pendirian Kerajaan Negeri adalah jelas bahawa pembangunan perumahan tidak boleh tertumpu di kawasan bandar semata-mata. Rakyat di kawasan luar bandar, termasuk di Bekok, turut berhak mendapat akses kepada perumahan yang selesa dan mampu dimiliki. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sedang telah mengambil beberapa pendekatan, iaitu mempertimbangkan pendekatan pembangunan melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) atau agensi berkaitan sekiranya penyertaan pemaju swasta adalah terhad melalui pembangunan Residensi Bangsa Johor (RsBJ) Chaah di atas tanah kerajaan dan pembangunan Rumah Prihatin Johor di atas tanah sendiri.

Sejak 2022 sehingga Q1 2026, sebanyak 360 unit RMMJ telah dibina melibatkan 8 projek di Daerah Segamat. Sebanyak 60 unit RMMJ melibatkan 1 projek RMMJ telah dibina di DUN Bekok sebagaimana jadual di bawah :

PEMAJU	NAMA PROJEK	DUN	A	B	C	D	KKS	JUMLAH
Mentari Development	Taman Lagenda	Bekok	17	25	18			60
Bintang-Bintang Development Sdn.Bhd.	Lot 1357 Taman Pesona	Pemanis				10		10
Bintang-BintangDevelopment Sdn. Bhd.	Taman Persona, Segamat	Pemanis	3	4	4			11
Henyes	Taman Intan	Tenang	22	11				33
Bukit Timur Development Sdn. Bhd.	Taman Bukit Mutiara Labis	Tenang	33					33
Nice Skyline Sdn.Bhd. (IOI)	Bandar Putra, IOI Segamat	Kemelah		33				33
Sri Temenggong Sdn Bhd	Taman Idaman	Kemelah		48	26			74

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

Sejota Sdn. Bhd	Taman Tasik Sejati, Segamat	Buluh Kasap		31	75			106
			75	152	123	10		360

Sebanyak 257 unit RMMJ melibatkan 5 projek RMMJ dalam pembinaan di Daerah Segamat sebagaimana jadual berikut :

PEMAJU	NAMA PROJEK	DUN	A	B	C	D	JUMLAH	Tahun Siap
Nice Skyline Sdn Bhd	Lot 1197, Bandar Putra IOI Segamat	Kemelah			87		87	Mac 2026
Sri Temenggong Sdn Bhd	Taman Mutiara Maju	Buluh Kasap	17	25	24		66	Jun 2027
Sejota Sdn. Bhd	Taman Pesona	Kemelah	2	3	3	3	11	Januari 2026
Ishtihar Properties & Development Sdn. Bhd.	Taman Yayasan - Fasa 1	Buluh Kasap	48	16			64	Mei 2026
Sia Her Yam Realty Sdn Bhd	Taman Kenari Indah	Kemelah	17	12			29	Jun 2026
							257	

Sebanyak 267 unit RMMJ sedang dirancang akan ditawarkan dan dibina di dalam Daerah Segamat didalam proses permohonan di Peringkat PBT dan PTG sebagaimana jadual dibawah :

NAMA PROJEK	DAERAH	DUN	A	B	C	D	KKS	JUMLAH	JANGKAAN PENAWARAN	STATUS TERKINI
Taman Yayasan - Fasa 3	Segamat	Buluh Kasap			71			71	Sep-26	Pelan bangunan
Taman Sri Pelangi	Segamat	Buluh Kasap		24				24	Ogos 2027	Proses SBKS
Taman Yayasan - Fasa 4B-3	Segamat	Buluh Kasap					47	47	2027	Kerja pembinaan sedang dijalankan
RsBJ Chaah	Segamat	Tenang			125			125	2027	Permohonan SBKS di PTG
								267		

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN 27 (A164)

Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek jalan pintas yang telah di mohon oleh masyarakat Orang Asli dari Kampung Orang Asli Lenek Bekok ke Kampung Baru Sungai Karas Labis?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, jajaran jalan pintasan dari Perkampungan Orang Asli dari Kampung Orang Asli Lenek Bekok ke Kampung Baru Sungai Karas Labis melalui laluan tanah merah sediaada dan melibatkan Kawasan Hutan Simpan yang berada di bawah bidang kuasa Pejabat Perhutanan Daerah Segamat.

Permohonan bagi melaksanakan kerja-kerja jalan pintasan dari Perkampungan Orang Asli dari Kampung Orang Asli Lenek Bekok ke Kampung Baru Sungai Karas Labis boleh dikemukakan melalui Pejabat Daerah Segamat untuk pertimbangan dan tindakan lanjut tertakluk kepada peruntukan serta keutamaan semasa.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 28 (A47)

Sehingga Disember 2025, berapakah bilangan lampu solar yang telah dipasang di Daerah Muar termasuk pecahan DUN Bukit Naning? Memandangkan terdapat banyak lagi kawasan-kawasan gelap dan berisiko kemalangan, adakah kerajaan ingin menambah lampu-lampu ini khususnya di jalan-jalan kampung DUN Bukit Naning?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui JKR Daerah Muar telah membuat permohonan pemasangan lampu jalan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti dan pelaksanaan program pemasangan lampu jalan di Jalan Bakri. JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Johor telah memasang lebih kurang 48 batang lampu dan akan memasang 10 batang pada tahun 2026. Permohonan peruntukan pada masa akan datang akan dipohon mengikut keperluan semasa

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN 29 (A9)

Gangguan bekalan air yang berulang memberi cabaran kepada rakyat dalam kehidupan harian. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk menambah baik sistem bekalan air sedia ada?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod pemantauan semasa paras sungai dan juga empangan oleh pihak Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) mendapati berlaku penyusutan yang ketara di beberapa lembangan sungai dan juga empangan di sekitar Negeri Johor. Sebagai contoh, paras terendah yang dicatatkan di Sg. Muar (Muka Sauk Gersik) bagi Mac 2026 adalah -0.24 mMSL berbanding paras normal iaitu di atas 0.6 mMSL. Sehubungan itu, bagi mengatasi situasi ini, pelepasan air sebanyak 50% bukaan injap (440 JLH) daripada Empangan Juaseh telah dilaksanakan secara berterusan.

Situasi yang sama juga berlaku bagi paras Empangan Upper Layang, Johor Bahru yang menunjukkan kadar penurunan harian sekitar 0.02 – 0.05 mm dan telah mencapai paras kritikal pada 4 Januari 2026. Langkah mitigasi yang telah diambil adalah dengan mengaktifkan Skim Pemindahan Air Mentah Layang.

Selain itu, dalam menghadapi keadaan cuaca kering dan iklim yang tidak menentu, Kerajaan Negeri Johor melalui BAKAJ telah merangka beberapa pendekatan dan permohonan bagi pelaksanaan projek sumber air (air mentah) berskala besar seperti berikut:-

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

BIL	TAJUK	NILAI PROJEK (RM JUTA)	SASARAN SIAP OLEH KERAJAAN NEGERI	STATUS SEHINGGA 31/03/2026
	RMK 12			
1	Projek Penyaluran Air Mentah Sungai Sedili Besar - Sungai Gembut (kapasiti 18JLH)	41	2025 - 2027	- Kerja-kerja awalan - Kemajuan kerja - 3%
	3 TAPS dan BARAJ (kapasiti 556 JLH)		2028 - 2030	
2	i. Pembinaan Baraj Sungai Muar - Fasa 1 (Perkhidmatan Perunding) (anggaran kapasiti 300 JLH)	58.8	-	- Pelantikan Perunding Siasatan Tanah (SI) pada 10 April 2026 - Dalam peringkat rekabentuk
	ii. Pembinaan Baraj dan TAPS Sungai Pontian Besar, Johor (kapasiti 100 JLH)	455.12	2031	- Pelantikan Jurukur Tanah pada 30 Mac 2026 - Dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding
	iii. Pembinaan Baraj dan TAPS Sungai Sedili Besar, Johor (kapasiti 600 JLH)	572.4 (Kerja-kerja awalan sahaja)	-	- Pelantikan perunding rekabentuk pada 11 Mac 2026 - Dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding
	RMK 11			
3	Projek TAPS Sungai Johor (kapasiti sehingga 156 JLH)	605	2028 - 2030	- Dalam proses pertukaran zon guna tanah - Dalam tindakan permohonan pengambilan balik tanah (PBT) oleh JBA

Seterusnya, terdapat juga skim pemindahan air mentah yang akan diaktifkan apabila penyusutan sumber air / paras empangan berlaku. Antaranya:

- Skim Pemindahan Air Mentah dari Sg. Lenggong ke Empangan Congok (16 JLH)
- Skim Pemindahan Air Mentah Layang (Sg. Sedili Besar – Empangan Seluyut – Empangan Upper Layang) (300 JLH).
- Pemindahan Air Mentah dari kolam-kolam lombong tinggal dan disalurkan ke sungai berhampiran untuk digunakan oleh Loji Rawatan Air (LRA) di bahagian hilir sungai. Contoh, kolam lombong tinggal di kawasan tadahan Sg. Gembut disalurkan ke Sg. Gembut bagi tujuan abstraksi air oleh LRA Sg. Gembut.

Kerajaan Negeri juga telah memohon pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) kepada Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui BAKAJ sentiasa melakukan pemantauan berkala terhadap aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada sumber air mentah dari aspek kualiti dan kuantiti.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 30 (A71)

Gangguan bekalan air masih berlaku, adakah kerajaan negeri mengakui bahawa sistem bekalan air sedia ada tidak lagi mencukupi dan apakah pelaburan besar yang sedang dirancang?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod pemantauan semasa paras sungai dan juga empangan oleh pihak Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) mendapati berlaku penyusutan yang ketara di beberapa lembangan sungai dan juga empangan di sekitar Negeri Johor. Sebagai contoh, paras terendah yang dicatatkan di Sg. Muar (Muka Sauk Gersik) bagi Mac 2026 adalah -0.24 mMSL berbanding paras normal iaitu di atas 0.6 mMSL. Sehubungan itu, bagi mengatasi situasi ini, pelepasan air sebanyak 50% bukaan injap (440 JLH) daripada Empangan Juaseh telah dilaksanakan secara berterusan.

Situasi yang sama juga berlaku bagi paras Empangan Upper Layang, Johor Bahru yang menunjukkan kadar penurunan harian sekitar 0.02 – 0.05 mm dan telah mencapai paras kritikal pada 4 Januari 2026. Langkah mitigasi yang telah diambil adalah dengan mengaktifkan Skim Pemindahan Air Mentah Layang.

Selain itu, dalam menghadapi keadaan cuaca kering dan iklim yang tidak menentu, Kerajaan Negeri Johor melalui BAKAJ telah merangka beberapa pendekatan dan permohonan bagi pelaksanaan projek sumber air (air mentah) berskala besar seperti berikut:-

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

BIL	TAJUK	NILAI PROJEK (RM JUTA)	SASARAN SIAP OLEH KERAJAAN NEGERI	STATUS SEHINGGA 31/03/2026
	RMK 12			
1	Projek Penyaluran Air Mentah Sungai Sedili Besar - Sungai Gembut (kapasiti 18JLH)	41	2025 - 2027	- Kerja-kerja awalan - Kemajuan kerja - 3%
	3 TAPS dan BARAJ (kapasiti 556 JLH)		2028 - 2030	
2	i. Pembinaan Baraj Sungai Muar - Fasa 1 (Perkhidmatan Perunding) (anggaran kapasiti 300 JLH)	58.8	-	- Pelantikan Perunding Siasatan Tanah (SI) pada 10 April 2026 - Dalam peringkat rekabentuk
	ii. Pembinaan Baraj dan TAPS Sungai Pontian Besar, Johor (kapasiti 100 JLH)	455.12	2031	- Pelantikan Jurukur Tanah pada 30 Mac 2026 - Dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding
	iii. Pembinaan Baraj dan TAPS Sungai Sedili Besar, Johor (kapasiti 600 JLH)	572.4 (Kerja-kerja awalan sahaja)	-	- Pelantikan perunding rekabentuk pada 11 Mac 2026 - Dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding
	RMK 11			
3	Projek TAPS Sungai Johor (kapasiti sehingga 156 JLH)	605	2028 - 2030	- Dalam proses pertukaran zon guna tanah - Dalam tindakan permohonan pengambilan balik tanah (PBT) oleh JBA

Seterusnya, terdapat juga skim pemindahan air mentah yang akan diaktifkan apabila penyusutan sumber air / paras empangan berlaku. Antaranya:

- Skim Pemindahan Air Mentah dari Sg. Lenggor ke Empangan Congok (16 JLH)
- Skim Pemindahan Air Mentah Layang (Sg. Sedili Besar – Empangan Seluyut – Empangan Upper Layang) (300 JLH).
- Pemindahan Air Mentah dari kolam-kolam lombong tinggal dan disalurkan ke sungai berhampiran untuk digunakan oleh Loji Rawatan Air (LRA) di bahagian hilir sungai. Contoh, kolam lombong tinggal di kawasan tadahan Sg. Gembut disalurkan ke Sg. Gembut bagi tujuan abstraksi air oleh LRA Sg. Gembut.

Kerajaan Negeri juga telah memohon pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) kepada Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui BAKAJ sentiasa melakukan pemantauan berkala terhadap aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada sumber air mentah dari aspek kualiti dan kuantiti.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**SOALAN 31 (A133)**

Meminta kerajaan mempercepatkan usaha menaiktaraf Jalan FT005 dan J31 dari 2 lorong kepada 4 lorong bagi memastikan kesesakan jalan tidak berlaku di masa hadapan ekoran pertambahan perumahan dan siapnya projek MEG kelak, yang semestinya meningkatkan jumlah kenderaan di jalan raya.

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**SOALAN 32 (A146)**

Infrastruktur & Jalan Raya.

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menaik taraf jalan-jalan utama dan jalan kampung di DUN Pasir Raja yang sering rosak dan berisiko kepada pengguna?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**SOALAN 33 (A116)**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menaik taraf infrastruktur jalan utama seperti laluan Johor Bahru–Kota Tinggi bagi mengurangkan kesesakan dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**SOALAN 34 (A65)**

Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan Salleh dan Jalan Bakri di daerah Muar daripada dua lorong kepada empat lorong bagi menampung peningkatan jumlah kenderaan di kawasan tersebut?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH
(Jawapan bersekali untuk soalan A133, A146, A116 & A65)**

Yang Berhormat Speaker, Kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan keadaan jalan raya selamat dan selesa kepada pengguna.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Balang, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor akan mengangkat permohonan peruntukan bagi menaiktaraf jalan FT005 dan J31 dari 2 lorong kepada 4 lorong melalui RMK13 kepada Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Bagi Jalan laluan Johor Bahru - Kota Tinggi pula, kerajaan negeri melalui Jabatan Kerja Raya mempunyai perancangan untuk menaiktaraf laluan ini di bawah tajuk Menaiktaraf Laluan FT003 Jalan kota Tinggi - Mersing Dari Seksyen 35.5 Hingga Seksyen 42, Kota Tinggi, Johor bermula dari Persimpangan Kota Tinggi - Desaru ke

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

persimpangan Keris yang telah diangkat kepada kerajaan persekutuan pada Rolling Plan ke Dua (RP2) Rancangan Malaysia Ke Tiga Belas (RMKe-13) yang lalu. Projek ini dipohon bagi membolehkan jalan sedia ada dikawasan ini dinaiktaraf kepada jalan berkembar 4 lorong bagi mengatasi masalah kesesakan yang kerap berlaku di kawasan ini.

Bagi cadangan untuk menaiktaraf jalan Salleh dan Jalan Bakri, dari 2 lorong kepada 4 lorong ini melibatkan kos yang tinggi dan keperluan kajian serta kerja teknikal yang lebih kompleks.

Kajian awal dan perancangan perlu dilaksanakan dengan mengambil kira kajian trafik dan bancian lalulintas untuk mendapatkan unjuran aliran kenderaan pada masa depan, kajian impak alam sekitar (EIA), kajian geoteknikal dan pelan jajaran dan reka bentuk terperinci.

Kos Pengambilan Balik Tanah dan pembayaran pampasan yang tinggi terutama di Jalan Bakri kerana kedudukan penempatan, bangunan premis, tanah-tanah perkuburan yang berada dalam jajaran ROW akan datang termasuk juga pengurusan trafik dan kos pembinaan.

Bagi mengurangkan kesesakan di Jalan Bakri dan Jalan Salleh ini, JKR Muar telah mencadangkan dan memohon kelulusan peruntukan pembinaan Pintasan Bakri-Bukit Pasir dalam RMK13 (RP 1 dan RP2). Cadangan projek ini juga dijangka dapat mengurangkan kesesakan dan menghuraikan kenderaan terutama kenderaan berat daripada melalui pekan-pekan tersebut (Pekan Bakri dan Pekan Bukit Pasir).

Kajian mendapati kesesakan yang berlaku apabila ada pertembungan kenderaan-kenderaan yang melalui jalan tersebut terutama waktu puncak. Kenderaan berat dari kawasan-kawasan perindustrian yang datang dari arah Batu Pahat, Yong Peng, Parit Sulung, Parit Jamil, sungai Terap memilih untuk menggunakan jalan ini untuk keluar ke lebuh raya atau sebaliknya.

Kenderaan-kenderaan berat ini juga menjadi antara penyumbang kesesakan jalan serta mengundang risiko kemalangan kepada kenderaan ringan dan penduduk setempat terutama murid sekolah. Walaubagaimanapun, sehingga kini pejabat masih belum menerima kelulusan peruntukan bagi projek membina jalan pintas tersebut.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN 35 (A113)

Dalam keadaan rakyat terpaksa bergantung kepada bekalan air alternatif, adakah kerajaan negeri bercadang memberikan bantuan khas atau pampasan kepada penduduk terjejas, memandangkan ini melibatkan keperluan asas yang gagal disediakan secara konsisten?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebagai operator air dan pelaksana, pihak Ranhill SAJ prihatin dengan masalah sumber air berpanjangan yang dihadapi oleh penduduk kawasan Yang Berhormat dan sentiasa berusaha bagi memastikan pengguna mendapat bekalan air berterusan melalui pelbagai bekalan alternatif.

Namun keputusan untuk memberi bantuan khas kepada pengguna pada ketika ini akan diperhalusi dan dipertimbangkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 36 (A126)

Apakah pelan jangka panjang bagi menjamin bekalan air bersih yang stabil di seluruh Johor?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 37 (A127)

Apakah usaha menaik taraf infrastruktur air bagi menghadapi peningkatan permintaan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

(Jawapan bersekali untuk soalan A126 & A127)

Yang Berhormat Panti, pihak Ranhill SAJ telah merancang pelbagai projek pembangunan dan naiktaraf loji rawatan air (LRA) bagi memenuhi permintaan air bersih yang semakin meningkat di negeri Johor. Untuk menampung keperluan tersebut, sebanyak 22 projek LRA baharu dan naiktaraf yang melibatkan pembangunan dan peningkatan kapasiti telah dirancang, termasuk dua projek LRA yang sedang dalam fasa pembinaan.

Antara projek tersebut yang masih dalam pembinaan adalah LRA Semangar Pakej 50 JLH, LRA Sultan Iskandar 2 Fasa 2 (160 JLH) serta LRA Sg. Gembut 2 (10 JLH) yang dijangka siap pada tahun 2027. LRA Tenglu 2 (10 JLH) dan LRA Kg Tengah 3 (15 JLH) juga yang dijangka siap pada tahun 2029. Selain itu, beberapa projek lain seperti LRA Semangar 3 (150 JLH), LRA Kayu Ara Pasong (30 JLH) dan LRA Yong Peng 4 (28 JLH) dijangka siap pada tahun 2030. Manakala LRA Sg. Sedili Besar (600 JLH) dan LRA Sg. Lenggong (20 JLH) dijadualkan siap pada tahun 2031.

Di samping pembangunan baru, pihak Ranhill SAJ juga sedang melakukan naiktaraf LRA sedia ada seperti LRA Kahang Baru (2.82 JLH) dan LRA Gombang berkapasiti 3 JLH yang dijangka siap pada tahun 2031. Sebanyak dua projek utama iaitu LRA Kayu ara Pasong 2 berkapasiti 40 JLH dan LRA Pagoh 2 (40 JLH) dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2032. Manakala, LRA Kahang 2 berkapasiti 50 JLH pula dijangka siap pada tahun 2033.

LRA ulu Sedili Fasa 1 dengan kapasiti 700 JLH pula dijadualkan siap sepenuhnya pada 2034, LRA Muar Baharu (50 JLH) serta LRA Batu Pahat Baharu (40 JLH) dijangka siap pada tahun 2036

Seterusnya pada tahun tahun 2042, dua buah LRA iaitu LRA Segamat Baharu berkapasiti 30 JLH dan LRA Ulu Sedili Fasa 2 (700 JLH) dijadualkan siap, manakala

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

LRA Pontian Baharu (70 JLH) dijadualkan siap pada tahun 2043. LRA Gersik 2 pula dengan kapasiti 50 JLH dijangka siap pada tahun 2048.

Walau bagaimanapun, jangkaan siap bagi semua projek ini bergantung kepada pelbagai faktor termasuk keperluan sumber air mentah yang mencukupi. Dengan langkah-langkah ini, diharapkan sistem bekalan air di negeri Johor dapat diperkukuh dan mampu memenuhi keperluan rakyat pada masa hadapan.

Kerajaan Negeri bersama jabatan dan agensi dalam sektor air sentiasa melakukan pemantauan berkala terhadap aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada sumber air mentah dari aspek kualiti dan kuantiti.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 38 (A132)

Meminta agar DUN Sungai Balang mendapatkan sebuah tangki air baharu bersaiz lebih besar di Bukit Perah bagi menambah kapasiti simpanan air untuk meminimumkan impak keputusan bekalan air yang sering terjadi belakangan ini yang mengundang kritikan rakyat, terutama menjelang perayaan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Yang Berhormat Sungai Balang, ketika musim perayaan lepas direkodkan peningkatan permintaan bekalan di kawasan Sg Balang daripada 12 JLH kepada 14 JLH yang berpunca daripada trend balik kampung. Gangguan bekalan air juga disebabkan kejadian paip pecah berulang kali bersaiz 450 mm dan 600 mm menjelang perayaan.

Pihak Ranhill SAJ telah melaksanakan tindakan jangka pendek dengan menghantar bekalan menggunakan lori tangki, penempatan tangki statik dan pelaksanaan inline injection bagi mempercepatkan proses pemulihan. Penyediaan tangki sedutan dan sistem paip (online pumping) dengan kos sekitar RM1.8 juta juga dilaksanakan bagi tindakan jangka sederhana.

Manakala bagi tindakan jangka panjang, perancangan pemasangan paip agihan bersaiz 700 mm melalui Sg Merbudu sepanjang 11 km dan pembinaan Tangki Bukit Mor dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM17.7 juta. Namun demikian, pelaksanaan projek jangka panjang ini juga tertakluk proses pengambilan balik tanah dan kebenaran merancang (KM).

Selain daripada itu, pelaksanaan kerja-kerja penggantian paip lama juga bersekali untuk pelan jangka panjang bagi kawasan sekitar Jalan Sri Tanjung dan Seri Menanti B yang membabitkan paip sepanjang 10 km bersaiz 300mm dan 100mm dengan jumlah kos sebanyak RM1.8 juta. Program ini masih dalam peringkat penilaian dan penyediaan dokumen.

Pihak Ranhill SAJ juga mengenal pasti kebanyakan pembangunan sedia ada di kawasan ini tidak mempunyai tangki simpanan individu. Oleh yang demikian, pengguna digesa untuk mempunyai tangki simpanan air berkapasiti 140 liter sehingga 450 liter supaya dengan adanya tangki simpanan air ini keupayaan menyimpan air untuk penggunaan harian untuk jangka masa sekurang-kurangnya 24 jam dapat diadakan terutama ketika berlaku gangguan bekalan air tidak terancang.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 39 (A147)

Apakah langkah kerajaan negeri bagi memastikan bekalan air bersih yang stabil dan mencukupi di semua kawasan dalam negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Yang Berhormat Panti, pihak Ranhill SAJ telah merancang pelbagai projek pembangunan dan naiktaraf loji rawatan air (LRA) bagi memenuhi permintaan air bersih yang semakin meningkat di negeri Johor. Untuk menampung keperluan tersebut, sebanyak 22 projek LRA baharu dan naiktaraf yang melibatkan pembangunan dan peningkatan kapasiti telah dirancang, termasuk dua projek LRA yang sedang dalam fasa pembinaan.

Antara projek tersebut yang masih dalam pembinaan adalah LRA Semangar Pakej 50 JLH, LRA Sultan Iskandar 2 Fasa 2 (160 JLH) serta LRA Sg. Gembut 2 (10 JLH) yang dijangka siap pada tahun 2027. LRA Tenglu 2 (10 JLH) dan LRA Kg Tengah 3 (15 JLH) juga yang dijangka siap pada tahun 2029. Selain itu, beberapa projek lain seperti LRA Semangar 3 (150 JLH), LRA Kayu Ara Pasong (30 JLH) dan LRA Yong Peng 4 (28 JLH) dijangka siap pada tahun 2030. Manakala LRA Sg. Sedili Besar (600 JLH) dan LRA Sg. Lenggong (20 JLH) dijadualkan siap pada tahun 2031.

Di samping pembangunan baru, pihak Ranhill SAJ juga sedang melakukan naiktaraf LRA sedia ada seperti LRA Kahang Baru (2.82 JLH) dan LRA Gombang berkapasiti 3 JLH yang dijangka siap pada tahun 2031. Sebanyak dua projek utama iaitu LRA Kayu Ara Pasong 2 berkapasiti 40 JLH dan LRA Pagoh 2 (40 JLH) dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2032. Manakala, LRA Kahang 2 berkapasiti 50 JLH pula dijangka siap pada tahun 2033.

LRA ulu Sedili Fasa 1 dengan kapasiti 700 JLH pula dijadualkan siap sepenuhnya pada 2034, LRA Muar Baharu (50 JLH) serta LRA Batu Pahat Baharu (40 JLH) dijangka siap pada tahun 2036

Seterusnya pada tahun 2042, dua buah LRA iaitu LRA Segamat Baharu berkapasiti 30 JLH dan LRA Ulu Sedili Fasa 2 (700 JLH) dijadualkan siap, manakala LRA Pontian Baharu (70 JLH) dijadualkan siap pada tahun 2043. LRA Gersik 2 pula dengan kapasiti 50 JLH dijangka siap pada tahun 2048.

Walau bagaimanapun, jangkaan siap bagi semua projek ini bergantung kepada pelbagai faktor termasuk keperluan sumber air mentah yang mencukupi. Dengan langkah-langkah ini, diharapkan sistem bekalan air di negeri Johor dapat diperkukuh dan mampu memenuhi keperluan rakyat pada masa hadapan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

Kerajaan Negeri bersama jabatan dan agensi dalam sektor air sentiasa melakukan pemantauan berkala terhadap aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada sumber air mentah dari aspek kualiti dan kuantiti.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN 40 (A109)

Nyatakan peranan dan program advokasi yang telah dan akan dijalankan oleh MCMC dalam membendung penyalahgunaan media sosial terutama melibatkan isu 3R (royal, religious, race).

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Penguatkuasaan terhadap kesalahan yang berkaitan Kaum, Agama dan Institusi Diraja (*Race, Religion, Royalty*- 3R), sama ada dalam talian atau luar talian pada umumnya adalah terletak di bawah bidang kuasa agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah undang-undang yang relevan. Sungguhpun begitu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) juga memandang serius penyalahgunaan media sosial, termasuk isu penyebaran kandungan memudaratkan dalam talian yang melibatkan sentimen 3R oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

MCMC melaksanakan tindakan kawal selia dan penguatkuasaan sekiranya terdapat kesalahan di bawah peruntukan akta-akta di bawah bidang kuasa MCMC seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 [Akta 866]. MCMC juga melaksanakan pemantauan proaktif dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kandungan memudaratkan dalam talian yang melanggar peruntukan Seksyen 233 Akta 588 iaitu kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik melampau.

Dalam perihal isu-isu yang berkaitan dengan 3R, MCMC juga memainkan peranan dengan memberikan kerjasama kepada agensi penguatkuasa lain, seperti PDRM dalam permohonan penurunan kandungan media sosial, permohonan sekatan laman sesawang dan sokongan teknikal termasuk pembekalan maklumat dan analisis forensik digital bagi mempercepatkan proses siasatan.

Selain itu, dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi keselamatan dalam talian di Malaysia, Kerajaan telah menggubal Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 [Akta 866] yang bertujuan mengawal selia kandungan memudaratkan dalam talian dan memperuntukkan kewajipan dan obligasi kepada Pemberi Perkhidmatan yang dilesenkan. Akta 866 ini telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2026 bersama beberapa perundangan subsidiari lain yang berkaitan.

Akta 866 turut mewajibkan Pemberi Perkhidmatan yang dilesenkan untuk menyediakan dan mengemukakan Pelan Keselamatan Dalam Talian kepada MCMC. Pelan ini memperincikan pendekatan dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Pemberi Perkhidmatan bagi memastikan pematuhan terhadap kewajipan di bawah Akta 866, termasuk melaksanakan langkah-langkah sewajarnya bagi mengurangkan pendedahan pengguna kepada kandungan memudaratkan dalam talian termasuk

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

kandungan yang boleh mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan dalam kalangan orang awam atau boleh mengganggu ketenangan orang awam. Usaha-usaha yang dijalankan ini adalah untuk melindungi semua lapisan masyarakat serta memelihara keharmonian dan keselamatan dalam talian.

Seiring dengan itu, MCMC juga melaksanakan inisiatif advokasi melalui Kempen Internet Selamat yang telah dilancarkan pada Januari 2025 bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan dalam talian bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa jenayah dalam talian, menjadi pengguna internet yang beretika dan seterusnya mewujudkan persekitaran dalam talian yang lebih selamat.

Sejak dilancarkan pada tahun 2025 sehingga 9 April 2026, sebanyak 1,190 program Kempen Internet Selamat telah dilaksanakan di seluruh Negeri Johor, melibatkan pelbagai kumpulan sasaran seperti pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar institusi pengajian tinggi, belia, ibu bapa, warga emas, sektor awam dan swasta, pertubuhan masyarakat serta komuniti setempat. Program ini memberi penekanan kepada aspek keselamatan dalam talian, etika penggunaan media sosial serta kesedaran terhadap risiko penyebaran kandungan berunsur 3R.

Sebagai langkah membendung penyalahgunaan media sosial, termasuk yang melibatkan isu 3R, MCMC juga turut menyediakan saluran untuk orang awam mengemukakan aduan berkaitan kandungan-kandungan yang memudaratkan menerusi portal aduan di pautan <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 41 (A161)

Maju Johor 2030 adalah visi kerajaan menjadikan Johor negeri maju, progresif, inklusif dan mampan menjelang 2030. Walaubagaimanapun, ketika ini capaian internet sangat lemah di beberapa kawasan dalam DUN Sri Medan. Apakah perancangan kerajaan negeri bagi menangani masalah capaian internet yang lemah ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited dalam menambah baik perkhidmatan komunikasi dan internet di Negeri Johor termasuk di DUN Sri Medan, bagi memastikan akses internet yang lebih meluas dan inklusif dapat dinikmati oleh seluruh rakyat, melalui inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

MCMC sentiasa fokus kepada usaha memperluaskan liputan serta meningkatkan kesalinghubungan negara melalui pelaksanaan projek JENDELA Fasa 1 dan Fasa 2 serta inisiatif berimpak tinggi yang melibatkan tujuh (7) kawasan tumpuan yang merangkumi lebuhraya, universiti awam, hospital, kawasan penganjuran acara, kawasan pelancongan, stadium serta kawasan penempatan ketenteraan, dengan kerjasama Pemberi Perkhidmatan Rangkaian Mudah Alih. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi negara untuk menyediakan akses Internet yang menyeluruh dan berkualiti, khususnya di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan.

Melalui inisiatif Pelan JENDELA, setakat 31 Mac 2026, kadar liputan internet dan komunikasi di kawasan berpenduduk di DUN Sri Medan telah mencapai 100%.

Namun begitu, MCMC mengambil maklum dan prihatin terhadap situasi sebenar di lapangan. MCMC menyedari bahawa angka liputan tidak semestinya mencerminkan kualiti pengalaman sebenar pengguna. Oleh yang demikian, tumpuan MCMC dan pihak pemberi perkhidmatan kini bukan lagi sekadar memperluaskan liputan, tetapi penekanan diberikan kepada isu kualiti termasuk menaik taraf kapasiti dan penambahbaikan rangkaian agar perkhidmatan yang diterima adalah selaras dengan standard mandatori yang telah ditetapkan oleh MCMC.

Sehubungan itu, MCMC menjalankan audit Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) secara berkala di seluruh Negeri Johor, termasuk di DUN Sri Medan. Bagi tempoh 1 Januari 2025 sehingga 31 Mac 2026, sebanyak 30 lokasi telah diaudit oleh MCMC di DUN Sri Medan. Lanjutan daripada audit kualiti yang telah dijalankan, MCMC telah mengeluarkan sebanyak 5 notis di bawah Subseksyen 51(2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] kepada Pemberi Perkhidmatan. Notis pematuhan ini dikeluarkan bagi mendapatkan pelan penambahbaikan daripada Pemberi Perkhidmatan sebelum Arahan Suruhanjaya dikeluarkan bagi memastikan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

Pemberi Perkhidmatan mematuhi undang-undang, lesen dan standard yang telah ditetapkan.

Untuk makluman, MCMC Johor telah menerima 1 aduan daripada Ahli Yang Berhormat Sri Medan pada 6 Februari 2026 berkaitan isu liputan telekomunikasi selular dan perkhidmatan talian tetap di 13 buah kampung dalam kawasan DUN Sri Medan. Sehubungan itu, MCMC telah mengadakan sesi perbincangan yang telah dipengerusikan oleh Ahli Yang Berhormat pada 11 Mac 2026 bersama ketua-ketua kampung bagi mengenal pasti isu semasa liputan dan kawasan yang menghadapi masalah liputan telekomunikasi. Seterusnya, MCMC bersama pihak Pemberi Perkhidmatan dalam perancangan untuk menjalankan ujian liputan di kawasan yang telah dikenal pasti dalam masa terdekat.

Untuk makluman, terdapat satu (1) projek pembinaan menara telekomunikasi baharu di Kampung Parit Puasa dibawah projek Jendela Fasa 2 yang dijangka siap pada tahun 2028 dan dapat memberi liputan telekomunikasi yang baik di Kampung Parit Puasa dan kawasan sekitar termasuklah Kampung Parit Mohamad, Kampung Parit Mustafa dan Kampung Parit Othman.

Dalam usaha untuk merapatkan jurang digital dengan meningkatkan kebolehcapaian internet untuk semua rakyat Malaysia, MCMC turut menyediakan capaian internet secara kolektif menerusi 1,099 rangkaian Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di seluruh negara. Di bawah inisiatif 1 DUN 1 NADI, Kerajaan melalui MCMC memastikan agar sekurang-kurangnya terdapat sebuah NADI di setiap kawasan DUN untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat. Di Negeri Johor, kini terdapat 101 Pusat NADI yang telah beroperasi sepenuhnya.

Untuk makluman, terdapat 1 NADI di kawasan DUN Sri Medan, iaitu NADI Parit Othman. Komuniti setempat adalah dialu-alukan untuk memanfaatkan capaian internet dan kemudahan di NADI berkenaan. Selain itu, bagi membantu memperkasakan komuniti di sekitar NADI, MCMC telah memperkenalkan Inisiatif Perkhidmatan Pintar yang bertujuan menyediakan pelbagai program latihan dan kesedaran untuk membantu merapatkan jurang komunikasi, pengetahuan dan sosio-ekonomi dalam kalangan komuniti di sekitar NADI. Inisiatif ini berpaksikan 5 teras utama iaitu Keusahawanan, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kesejahteraan Kendiri, Kesedaran dan Inisiatif Kerajaan.

Di samping itu juga, MCMC telah melancarkan aplikasi MCMC NEXUS bagi membantu pengguna memantau kelajuan perkhidmatan internet ujian secara lebih tepat dan telus. MCMC NEXUS merupakan satu aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh MCMC bagi membantu pengguna mengukur, memantau dan menilai kualiti perkhidmatan internet di Malaysia secara telus dan berasaskan data. Data sumber khalayak (*crowdsourcing*) ini amat penting bagi membantu MCMC dan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

Pemberi Perkhidmatan memetakan penyelesaian bagi masalah capaian internet lemah secara lebih tepat dan pantas di Negeri Johor.

Sekiranya orang ramai mengalami isu liputan internet dan kualiti perkhidmatan, mereka boleh mengemukakan aduan secara terus kepada Pemberi Perkhidmatan dan juga kepada MCMC melalui pautan <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Selain itu, MCMC juga telah membangunkan portal JENDELA Map melalui pautan di <https://jendela.my> bagi menyampaikan maklumat inisiatif yang dijalankan oleh MCMC dan membolehkan orang ramai untuk memberikan maklum balas dan melaporkan status liputan di kawasan yang terlibat. Maklum balas orang ramai yang diterima ataupun *crowdsourcing* tersebut membolehkan MCMC membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**SOALAN 42 (A138)**

Apakah perancangan untuk menaiktaraf sistem saringan digital Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) Malaysia di TUAS bagi memastikan pemeriksaan sempadan yang lebih efisien?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Selari dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan tahap kecekapan serta pengurusan pintu masuk secara bersepadu, bermula Februari 2025, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) telah ditubuhkan dan dipertanggungjawab untuk mengambil alih fungsi dan peranan pemeriksaan hadapan beberapa agensi sedia ada di pintu masuk Kompleks Sultan Abu Bakar termasuk pemeriksaan dokumen, orang serta barangan yang sebelum ini dilaksanakan oleh agensi masing-masing seperti JIM, Kastam, MAQIS dan JPJ.

Pada ketika ini, pihak AKPS KSAB dalam proses menyelaras serta memurnikan kesemua fungsi dan peranan agensi-agensi berkaitan bagi mengelakkan pertindihan kerja seterusnya mengoptima peranan pegawai di kawalan hadapan KSAB. Kedua-dua sistem MyNISe dan MyBorderpass yang digunapakai di pintu masuk Kompleks Sultan Abu Bakar merupakan milik Jabatan Imigresen Malaysia dan AKPS KSAB berperanan sebagai agensi pengguna.

Sistem dan aplikasi MyBorderPass yang ditawarkan khusus kepada warganegara Malaysia mula beroperasi di KSAB bermula 1 Januari 2025 manakala sistem dan aplikasi MyNISe beroperasi bermula 1 Jun 2025 secara Quick Win kepada 63 negara termasuk 7 buah negara ASEAN. Kedua – dua sistem ini menggunakan kaedah aplikasi Quick Response kod QR yang boleh dimuat turun melalui Google Play Store dan Apple Store ke telefon pintar secara percuma. Kedua-dua sistem yang menawarkan perkhidmatan pemeriksaan dokumen secara digital menerusi pengesanan wajah serta biometrik lebih pantas dan memiliki tahap keselamatan data yang lebih cekap dijangka akan diperluas kepada lebih banyak negara pada masa akan datang.

Secara ringkas, pemeriksaan secara digital telah dilaksanakan di zon-zon kenderaan seperti berikut:

- i. Zon motosikal – 30 kiosk e-gate (14 Myborderpass, 16 MyNISe)
- ii. Zon Bas – 18 egate, 4 kaunter QR Myborderpass, 4 kaunter QR MyNISe
- iii. Manakala projek pembangunan jangka sederhana yang sedang dilaksanakan melibatkan penambahan 33 lorong motosikal menggunakan e-gate MyNISe dan 24 egate di zon pemeriksaan bas; dan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

Pihak AKPS telah menerima pelbagai maklum balas yang positif daripada pengguna warganegara Malaysia mahupun warga warganegara setelah pelaksanaan penggunaan sistem digital MyNIISe dan MyBorderpass yang lebih efisien dan lebih pantas.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN 43 (A100)

Apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan penyuraian trafik yang lebih sistematik, khususnya di kawasan tumpuan seperti pusat bandar Johor Bahru?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan menyeluruh dalam memastikan penyuraian trafik yang lebih sistematik, khususnya di kawasan tumpuan seperti pusat bandar Johor Bahru, melalui kombinasi intervensi pengangkutan awam, pengurusan trafik serta penambahbaikan infrastruktur.

Pertama, dari segi pengangkutan awam, Kerajaan Negeri memperkukuh peranan bas melalui perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BMJ) dan myBAS Johor sebagai mod feeder yang menghubungkan kawasan perumahan ke hab pengangkutan utama serta kemudahan Park & Ride sebelum penumpang meneruskan perjalanan ke pusat bandar dan stesen pengangkutan seperti JB Sentral dan RTS. Pendekatan ini penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian.

Kedua, dari aspek pengurusan trafik, Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Greater Johor Bahru sedang melaksanakan sistem smart traffic light secara berfasa di persimpangan utama, yang melibatkan lebih 200 persimpangan bagi mengoptimumkan aliran trafik dan mengurangkan kesesakan, khususnya di waktu puncak.

Ketiga, langkah pengurusan trafik secara spesifik turut dilaksanakan di kawasan pusat bandar, termasuk cadangan pengasingan laluan di Jalan Jim Quee sebagai laluan keutamaan pengangkutan awam bagi melancarkan pergerakan bas dan mengurangkan konflik dengan kenderaan persendirian serta e-hailing.

Keempat, Kerajaan Negeri turut mencadangkan pelaksanaan laluan kontra (contra flow) di koridor utama seperti Jalan Skudai sebagai langkah jangka pendek untuk meningkatkan kapasiti jalan sedia ada, khususnya pada waktu puncak pagi tanpa memerlukan pelebaran jalan secara fizikal.

Kelima, Kerajaan Negeri turut menyokong inisiatif Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuh pengangkutan rel termasuk pelaksanaan Komuter Selatan yang memanfaatkan jajaran rel sedia ada bagi menyuraikan pergerakan penumpang dari kawasan utara dan timur Johor terus ke pusat bandar tanpa perlu menggunakan kenderaan persendirian.

Keenam, dari aspek jangka sederhana dan panjang, Kerajaan Negeri turut menyokong permohonan agensi Persekutuan seperti JKR dan IRDA dalam

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 6 MEI 2026**

perancangan pembangunan infrastruktur jalan termasuk pelebaran jalan, naik taraf persimpangan dan pembangunan rangkaian jalan baharu di koridor utama seperti Jalan Skudai, Jalan Tebrau dan kawasan pusat bandar bagi meningkatkan kapasiti rangkaian secara keseluruhan.

Kesimpulannya, melalui pendekatan bersepadu yang melibatkan pengukuhan pengangkutan awam, penggunaan teknologi pintar, pengurusan trafik serta pembangunan infrastruktur, Kerajaan Negeri yakin penyuraian trafik di Johor Bahru dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, seterusnya meningkatkan kelancaran mobiliti dan kesejahteraan rakyat.